

PRESTASI PERPUSTAKAAN PADA TAHUN 2004



*Datin Masrah Hj. Abidin
Pemangku Ketua Pustakawan*

Tahun 2004 telah berlalu dan terdapat beberapa projek yang bertujuan meningkatkan prestasi perpustakaan telah dilaksanakan. Maklumat di bawah ini masih boleh diguna sebagai kayu ukur prestasi Perpustakaan. Pemangku Ketua Pustakawan, Datin Masrah Haji Abidin ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf yang telah menyumbang kepada kejayaan dan pencapaian yang membanggakan Perpustakaan pada tahun 2004. Tahun 2004 merupakan tahun yang banyak memberi cabaran kepada kita semua. Mengikut beliau kita begitu sibuk dan kadang-kadang merasakan seperti masa tidak mencukupi untuk menyempurnakan tugas-tugas yang harus kita siapkan. Walau bagaimanapun dengan izin Allah

S.W.T dan berkat kerjasama, dedikasi, iltizam dan tanggungjawab yang diberikan oleh semua yang terlibat kita telah dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu beberapa projek seperti yang tersenarai di bawah telah dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2004:-

- i) Pemandahan Sistem Phoenix Liber Media kepada ILMU PERDANA.
- ii) Pelaksanaan RFID (PHS I)
- iii) Kejayaan memperoleh Penerimaan MS ISO untuk tiga tahun lagi.
- iv) Pelaksanaan aktiviti-aktiviti Perayaan 35 Tahun USM.
- v) Pelancaran nama Perpustakaan Hamzah Sendut.
- vi) Perayaan Hari Merdeka.
- vii) Kursus PIMPIN, Kursus Latihan Sangkut Pustakawan di Australia, Belgium dan lain-lain kursus lagi.
- viii) Bengkel Rancangan Malaysia Ke-9
- ix) Naiktaraf persekitaran Kaunter Sirkulasi (Perpustakaan Hamzah Sendut I)
- x) Naiktaraf tangga (Perpustakaan Hamzah Sendut I)
- xi) Naiktaraf bahagian luar (Perpustakaan Hamzah Sendut I)

- xii) Naiktaraf surau (Perpustakaan Hamzah Sendut I)
- xiii) Menyediakan garaj untuk kenderaan rasmi Perpustakaan (Perpustakaan Hamzah Sendut I)
- xiv) Mengubahsuai Bahagian Automasi
- xv) Menambah dua bilik Pegawai di Bahagian Proses Teknik.
- xvi) Naik taraf Bilik Rehat Staf (Perpustakaan Hamzah Sendut I)

Untuk tahun 2005 ini, beliau berharap semua staf dapat terus menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang dan terus dapat menjalankan tugas secara berpasukan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah disediakan.

Beliau juga berharap semua staf dapat meningkatkan disiplin masing-masing supaya tidak menghadapi masalah yang tidak diingini. Di samping itu beliau ingin menasihati semua staf agar mengawal cuti tahunan masing-masing supaya cukup sehingga akhir tahun, supaya kes-kes meminjam cuti tidak timbul.

Beliau memohon marilah kita sama-sama menyempurnakan tugas-tugas dengan ikhlas dan amanah dan semoga diberkati Allah S.W.T.

DARIPADA SIDANG PENGARANG JENDELA 2005

akhirnya terbit juga Jendela versi baru edisi ke-4. Justeru ucapan syabas harus diberi kepada mereka yang terlibat dalam proses menjayakan terbitan ini. Seperti biasa Jendela berusaha merakamkan sebanyak mungkin pelbagai aktiviti yang telah dibuat oleh staf di samping menghidangkan rencana yang relevan dan menarik jua.



Staf Perpustakaan bagaikan tidak menang tangan sepanjang dua tahun yang lalu. Ada sahaja aktiviti sama ada yang menjurus ke arah memperkasakan diri masing-masing atau menjulangkan citra Perpustakaan ke tahap yang lebih tinggi. Perpustakaan harus berbuat sedemikian bagi menjamin ia tidak lena dengan apa yang sedia ada padanya. Perpustakaan harus sentiasa mengemas kini dirinya dalam semua aspek jika boleh. Itulah tuntutan bagi sesebuah institusi untuk maju ke hadapan. Perpustakaan tidak harus terbuai dengan kejayaan yang telah dicapai setakat ini, ia harus bergerak dan dinamik.

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) sudah berusia hampir 36 tahun. Sepanjang hayatnya ia tidak pernah sunyi dengan pelbagai perkembangan. Berderet-deret aktiviti akan disediakan. Pemangku Ketua Pustakawan Datin Masrah Haji Abidin telah merakamkan sebahagian daripada aktiviti tersebut dalam keluaran Jendela ini. Perancangan aktiviti-aktiviti itu tidak akan luntur meskipun Perpustakaan mengalami pertukaran Ketua Jabatannya dari semasa ke semasa. Perpustakaan bukan sahaja melakukan aktiviti rutinnya tetapi adakala turut keluar daripada aktiviti terasnya semata-mata kerana mengikuti perkembangan semasa.

Satu daripada ciri perpustakaan yang setiap warga perpustakaan harus mengetahui ialah Perpustakaan USM masih mempunyai dan mengamalkan sistem kualiti yang diiktiraf oleh ISO. Sejak tahun 2001 Perpustakaan telah memegang sijil ISO 9001:1994 dan ISO 9001: 2000 sehingga kini. Kita seharusnya merasa bangga dan mempertahannya kerana ia merupakan tanda yang Perpustakaan mempunyai sistem kualiti yang diiktiraf pada tahap antarabangsa. Mengikut seorang staf akademik yang pernah bertugas di New York, Profesor Aftab Hasan daripada Pusat Pengajian Pengurusan USM, Perpustakaan USM merupakan sebuah perpustakaan yang mempunyai sumber maklumat yang baik sekali.

Kepentingan sesebuah perpustakaan dalam sesebuah institusi pengajian tinggi tidak dapat disangkal lagi. Kami juga memuatkan sebuah coretan yang sangat mendalam daripada Naib Canselor USM, Dato' Profesor Dzulkifli Abdul Razak. Beliau menghubungkan peri pentingnya sebuah perpustakaan itu dengan perkembangan ilmu.



Kami mengucapkan **SELAMAT HARI DEEPAWALI, ADIYALITRI, KRISMAS** dan **SELAMAT TAHUN BARU 2006**
Semoga Berjumpa lagi

BERITA

KOLEKSI NEGARA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 1988 Perpustakaan Negara Malaysia telah memeterai satu perjanjian dengan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (PUSM) yang membolehkan sebahagian bahan Koleksi Negara Perpustakaan Negara Malaysia (KPNM) diserahkan untuk disimpan di USM. Sebahagian lain disimpan di Ampang, Kuala Lumpur dan Sabah. Walaubagaimanapun, pada tahun 2002, pihak PUSM tidak dapat lagi mengurus koleksi tersebut, antara sebab utamanya kerana tiada staf untuk menguruskannya. Perkara itu dimaklumkan secara rasmi kepada PNM. Sebahagian koleksi di PUSM telah diserap ke dalam koleksinya sementara sejumlah 708 kotak yang berisikan KPNM masih belum diproses.

Pada tahun 2003 wakil daripada PNM telah membuat lawatan untuk melihat sendiri keadaan koleksinya yang disimpan di bawah jagaan Bahagian Malaysiana dan Arkib. Mereka berpuas hati bahawa KPNM dijaga dengan baik. Pada 22 Jun 2005 lalu, empat wakil pengarah kanan daripada PNM telah melawat PUSM dan mengadakan satu perbincangan. Dalam perbincangan itu satu keputusan telah dibuat yang mana pihak PNM akan mengambil balik semua koleksinya. Mereka akan menguruskan pengambilan semula koleksi tersebut.



PENGURUSAN REKOD DAN FAIL PERPUSTAKAAN *Pelupusan Rekod Perpustakaan Siri Pertama berjaya dilaksanakan*

Perpustakaan yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 telah banyak menjana rekod yang disimpan dalam fail. Sebuah Jawatankuasa Pengurusan Rekod telah ditubuhkan untuk menguruskan rekod-rekod tersebut. Rekod yang banyak itu tidak mungkin dapat disimpan semuanya oleh Perpustakaan sedangkan ada rekod-rekod yang mustahak harus disimpan kekal kerana nilai-nilai tertentu seperti nilai sejarah. Pengurusan Rekod akan menentukan cara menyelesaikan isu ini.

Semua badan atau agensi kerajaan tertakluk kepada Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), tidak terkecuali Jabatan Perpustakaan ikut terikat dengan akta itu. Jawatankuasa Pengurusan Rekod telah mengambil tanggungjawab mengurus cara hendak memisahkan atau melupuskan rekod-rekod yang telah menjangkau tempoh yang lama. Tujuannya adalah untuk pengurusan rekod dan tidak menimbulkan kesesakan dalam soal storannya.

Jawatankuasa dengan berpandukan tunjuk ajar daripada Arkib Negara telah dapat mengumpul sebanyak 1376 fail Perpustakaan untuk dilupuskan. Jawatankuasa memohon kepada Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang (ANMCPP) untuk tujuan itu. Daripada 1376 fail yang dipohon, 180 fail telah dipilih untuk diserahkan kepada ANMCPP bagi dinilai semula dan disimpan. ANMCPP telah memberi izin rasmi kepada Perpustakaan bahawa 1196 fail Perpustakaan boleh dilupuskan.

Perpustakaan telah menyerahkan fail yang diminta oleh ANMCPP dalam satu majlis ringkas pada 14 Mei 2005. Wakil ANMCPP Encik Rohim Darus telah menerima fail tersebut bagi pihak jabatannya. Fail-fail yang diberi izin boleh dilupuskan harus dirincih atau dijual. Jawatankuasa Pengurusan Rekod akan menguruskan perkara itu.

Selepas ini pelupusan rekod siri kedua akan dilaksanakan.





Perpustakaan Hamzah Sendut: Merealisasikan Impian Tokoh Ilmuan

Oleh : Prof. Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak
Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

Ilmuan dan pemikir Romawi, Marcus Cicero pernah berkata: "Sekiranya anda mempunyai sebuah perpustakaan dan sebuah taman, anda sudah ada segala-gala yang diperlukan." (*If you have a garden and a library, you have everything you need.*)

Universiti Sains Malaysia (USM) bertuah kerana mempunyai sebuah perpustakaan yang begitu canggih dan berdaya maju hasil ilham seorang ilmuan dan cendekiawan, Allahyarham Tan Sri Hamzah Sendut – pengasas dan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia. Ilmuan dan cendekiawan ini bukan sahaja berjaya membangunkan sebuah perpustakaan sebagai mercu tanda kecemerlangan, malah beliau juga berjaya mengasaskan sebuah taman ilmu yang dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang, dan kemudiannya Universiti Sains Malaysia.

Sebagai seorang Perancang Bandar yang berwibawa dan pakar dalam bidang geografi, Allahyarham Tan Sri Hamzah Sendut amat peka terhadap pemuliharaan alam sekitar. Beliau percaya bahawa alam sekitar ialah satu aset yang perlu dijaga dan tidak dimusnahkan begitu sahaja. Sebab itu dalam membangunkan kampus ini beliau cuba mengimbangkan pembinaan infrastruktur dengan penjagaan alam sekitar.

Pada peringkat awal lagi seolah-olah sebuah konsep Universiti dalam Taman sudah mula disemai oleh Allahyarham Tan Sri Hamzah. Taman yang dimaksudkan bukan semata-mata ditakrifkan dari segi fizikalnya tetapi serentak sebagai suatu sumber ilmu dan sebagai sebuah universiti yang berteraskan sains.

Alam semula jadi juga dianggap sebagai satu lagi perpustakaan semula jadi yang dimanfaatkan untuk pengajaran dan pembelajaran, malah penyelidikan sekali pun. Taman ini akan menjadi sumber inspirasi kepada setiap warga USM, apa lagi para pensyarah dan pelajar yang sentiasa mencari ilham dan idea baru untuk memajukan lagi sempadan ilmu pengetahuan.

Allahyarham Tan Sri tatkala bertugas sebagai Naib Canselor, telah berjaya meyakinkan mendiang Loh Boon Siew untuk mendermakan sekeping tanah di Muka Head yang kini menempatkan Stesen Penyelidikan Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti ini. Pada masa ini, kawasan tersebut telah pun dijadikan sebuah Taman Negara seperti mana yang diimpikan oleh Allahyarham Tan Sri.

Sebagai kesinambungan kepada usaha yang telah dirintis Tan Sri Hamzah Sendut, kini USM secara keseluruhan, termasuk Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan, memperkenalkan konsep Universiti dalam Taman secara rasminya pada awal tahun ini. Keputusan ini diambil berinspirasi apa yang telah beliau rancang.

Kita sedar betapa perkembangan kampus yang amat pesat turut mengancam persekitaran alam semula jadinya. Konsep Universiti dalam Taman adalah bagi mengimbangi pembangunan fizikal supaya tidak keterlaluan, dan meningkatkan kesedaran bahawa kita perlu bersinergi dengan alam di sekitar kita pada setiap masa. Alam dan manusia itu saling bergantung. Hasilnya kita dapat melaksanakan perancangan yang lebih lestari bentuknya dengan benar-benar mewujudkan sebuah Universiti dalam Taman yang dihiasi dengan prasarana semula jadi yang membanggakan.

Hal ini juga merupakan satu cara kita merealisasikan impian Allahyarham sebagai memperingati wawasan beliau yang berpandangan jauh. Di USM kita bukan sahaja mempunyai perpustakaan yang canggih yang kini dikenali sebagai Perpustakaan Hamzah Sendut tetapi juga sebuah taman yang indah – sebuah perpustakaan semula jadi. Dari perspektif Cicero, USM telah mempunyai segala-gala yang diperlukan dengan maksud USM kini bersedia bersaing dengan universiti-universiti lain di persada dunia berasaskan kekuatan yang ada.

Seperti mana kita sedia maklum, mengikut penilaian The UK Times Higher Education Supplement, USM kini tersenarai antara 200 universiti terbaik di seluruh dunia. Perkara ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan, terutama sekali bagi sebuah universiti berusia hanya tiga puluh lima tahun. Pada peringkat Asia USM menduduki tempat ke-15 dan di ASEAN tempat ke-2.

Kita bersyukur atas pengiktirafan ini jika diambil perbandingan dengan penilaian Asiaweek pada tahun 2000 yang menempatkan USM di tempat ke-57 dalam kalangan 100 universiti di Asia. Lonjakan lebih 40 anak tangga ini di Asia dan pertama kali tersenarai dalam "World University Ranking Top 200" dapat menebus kembali maruah Universiti ini pada kaca mata masyarakat dan rakyat Malaysia, kalau tidakpun dunia.

Semuanya ini ialah hasil inspirasi peneraju awal Universiti ini yang meletakkan USM pada landasan yang begitu kukuh sehinggakan pemimpin selanjutnya hanya perlu menggilap "the unpolished diamond" seperti mana yang Allahyarham sering ungkapkan.

Inilah penghormatan kita kepada jasa bakti serta sumbangan ikhlas beliau yang tidak berkompromi tentang kualiti pendidikan serta prestasi Universiti ini. Apa lagi jika diambil kira dari segi penilaian pelajar antarabangsa, USM menduduki tempat keempat antara 200 universiti terbaik selepas London School of Economic (LSE), Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) dan Curtin University mengikut Times Higher Education Supplement. Sekiranya Hamzah Sendut berada bersama-sama kita pada hari ini, beliau akan terus memberi segala galakan dan dorongan untuk USM melonjakkan lagi kedudukannya.

Allahyarham terkenal dengan sikapnya yang mesra walaupun tegas untuk memotivasi para pelajar dan stafnya memperoleh hanya yang terbaik dalam serba-serbi – akademik, pengurusan dan pentadbiran mahupun kegiatan sosial. Hal ini dilakukan melalui cara yang cukup inovatif selaras dengan cogan kata Universiti ini sendiri: Kami Memimpin.

USM mempunyai segala-galanya untuk terus gemilang dalam kepimpinan selaras dengan motonya "Kami Memimpin" jika dapat membina sebuah perpustakaan dan taman yang cemerlang dalam erti yang luas melalui kesungguhan, dedikasi serta pengorbanan yang tidak mengenal penat lelah seperti yang ditunjukkan Allahyarham.

USM akan terus memperkasakan kemudahan perpustakaan dalam masa terdekat. Lembaga Pengarah USM telah pun meluluskan perbelanjaan RM7 juta untuk tujuan ini bagi fasa pertama yang kini sedang giat dilaksanakan. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tidak kurang daripada RM17 juta lagi akan dicadangkan untuk memperkasakan lagi Perpustakaan Hamzah Sendut ke tahap yang lebih canggih dan terkini. Perkara ini kita harap akan menampung keperluan pelajar yang kini mencapai 25,000 orang termasuk sekumpulan Warga Emas yang kita ambil baru-baru ini. Di samping itu, perpustakaan juga membina koleksi pascasiswazah untuk pelajar pengajian siswazah yang dijangka akan bertambah melebihi jumlah 10 ribu menjelang tahun



2010, termasuk tiga ribu pelajar antarabangsa.

Dalam perancangan itu juga USM akan mengadakan koleksi khas Naib-Naib Canselor sebagai satu usaha mendokumentasikan aliran pemikiran dan pengurusan dalam membangunkan sebuah institusi pengajian tinggi di negara dan rantau ini. Memandangkan kesinambungan pengurusan sebuah universiti adalah penting, koleksi Naib-Naib Canselor seumpama ini akan mempunyai manfaatnya yang tersendiri sekurang-kurangnya dari segi sejarah dan arkib USM.

Tambahan daripada itu koleksi-koleksi khas lain juga akan dipelopori daripada pihak dermawan dan personaliti berpengaruh dari dalam dan luar negara. Terbaru kita akan membangunkan koleksi Harvard dengan bantuan Harvard Club of Malaysia yang akan ditempatkan di Perpustakaan Hamzah Sendut. Oleh itu, bagi pihak USM kita mengalu-alukan sumbangan ke arah ini supaya Perpustakaan Hamzah Sendut akan terus menjadi mercu tanda dan disegani sepanjang masa.

Dari segi konsep taman pula, USM dalam rangka merekayasa dirinya sebagai sebuah universiti penyelidikan berhasrat membangunkan Taman Penyelidikannya sendiri yang boleh mengabungkan kepakaran yang ada dengan ciri-ciri keusahawanan. Hal ini bertujuan untuk mempercepat proses pengkomersialan penemuan penyelidikan yang telah berjaya mencapai pengiktirafan selama ini. Sejak 2001 tidak kurang daripada 200 hadiah, pengiktirafan serta penghargaan penyelidikan telah dianugerahkan kepada

para penyelidik USM – namun proses pengkomersialannya agak lembab. Oleh itu, dengan adanya Taman Penyelidikannya sendiri, USM berhasrat mempercepat proses ini dengan cara menggabungkan tenaga dengan pihak tertentu, baik dalam mahupun luar negara seperti Cuba dalam bidang bioteknologi perubatan.

Potensi USM terus dikembangkan seiring dengan tuntutan zaman. Bak kata perpatih: harimau mati tinggalkan belang; gajah mati tinggalkan tulang; manusia mati tinggalkan nama. Nama Hamzah Sendut, anak seorang penoreh getah ini, sudah terpahat pada satu mercu tanda USM, iaitu di perpustakaan. Saya percaya pada setiap hari warga Universiti di mana jua akan menghargai kualiti, muafakat, kerja keras dan pengorbanan sebagai ciri-ciri terpenting untuk mengorak sesuatu kegemilangan. Biarlah ini menjadi tradisi bagi USM seperti mana universiti terunggul lain di dunia.

Sesungguhnya, Perpustakaan Hamzah Sendut yang gagah berdiri hari ini adalah sebahagian daripada impian seorang tokoh ilmuan. Malah, kampus Universiti ini juga merupakan sebuah perpustakaan maya yang luas, terus merimbun, hijau, mekar dan segar bagi merealisasikan impian anak bangsa yang ingin melihat Universiti ini terus melangkah gagah di pentas dunia.



KENAIKAN PANGKAT/MEMANGKU

TAHNIAH diucapkan kepada semua staf berikut yang bukan saja telah dinaikkan pangkat tetapi telah meraikan kegembiraan mereka dengan satu majlis kenduri kesyukuran pada 11 Mei 2005

- (1) Y.Bhg. Datin Masrah Hj. Abidin telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S52 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (2) Pn. Sofiah Hashim telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S52 mulai 1 Januari 2005.
- (3) Encik Ramli Abdul Samad telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S48 berkuat kuasa 31 Disember 2003. Beliau ditukarkan ke Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan sebagai Ketua, Bahagian tersebut mulai 3 Mei 2005.
- (4) Puan Siti Roudhah Mohamad Saad telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Beliau ditukarkan ke Bahagian Malaysiana dan Arkib sebagai Ketua, Bahagian tersebut mulai 3 Mei 2005.
- (5) Encik Mohd. Idris Hj. Ali telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Beliau ditukarkan ke Bahagian Perolehan sebagai Ketua, Bahagian tersebut mulai 3 Mei 2005.
- (6) Encik Abd. Akla Wan Ismail telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (7) Cik Aini Yusof telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (8) Encik Hamdan Hassan telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (9) Encik Ali Hj. Abd. Rahim telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (10) Puan Che Hasnah Ab. Ghani telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (11) Puan Rugayah Ali telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan S44 berkuat kuasa 1 Januari 2005.
- (12) Encik Noorazilan Noordin telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) N22 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Beliau ditempatkan di Bahagian yang sama.
- (13) Encik Nor Adzam Baba telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (P/O) N22 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 3 Mei 2005 beliau ditukarkan ke Unit Sirkulasi, Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS2.
- (14) Encik Ali Ahmad telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Am Rendah N4 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 25 April 2005 beliau dilantik sebagai Ketua

Kumpulan, Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS1.

(15) Encik Borhan Yaman telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Am Rendah N4 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 25 April 2005 beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS2.

(16) Encik Noris N. Muniandy telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Am Rendah N4 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 25 April 2005 beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS1.

(17) Encik Phuah Seng Tat telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Am Rendah N4 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 25 April 2005 beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS1.

(18) Encik Ramdan Othman telah dilantik memangku jawatan Pembantu Am Rendah N4 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Mulai 25 April 2005 beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, PHS1.

(19) Puan Mariah Yusof telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah N14 berkuat kuasa 1 Januari 2005. Beliau ditukarkan ke Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, Kampus Induk mulai 14 Mei 2005.

Perpustakaan Hamzah Sendut merakamkan ucapan **TERIMA KASIH** di atas khidmat yang disumbangkan.



Reading as a way of life

LLITERACY is less a problem here than in some parts of the world. But just because people can read, it does not mean that they do read. Herein lies the problem: the lack of the reading habit among Malaysians. It is, in particular, a telling feature of most Malays.

Despite the benefit of tertiary education, many are ill-educated but the tragedy lies in the fact that they are hardly aware of this ugly fact about themselves. It remains to be seen whether the National Library's admirable "National Reading Campaign 2002" will yield the desired results. But more important, the campaign will divert national attention to a neglected but pressing issue: the nation's lamentable state of reading.

Reading is a voluntary activity. It is, by definition, a private experience. When children see their parents reading

books for their own edification and pleasure, the spark of curiosity thus ignited will flame into a life-long passion for reading and quest for knowledge. This flame can be kept ablaze by parents who read to their children, give them books as presents and talk to them about books.

The library period at schools should be conducted with more imagination and be complemented with a half-hour period of DEAR (Drop Everything And Read), a programme successfully carried out in Australia. The "one book, one city" programme is a civic experiment that has blossomed into a national trend in America where a whole city reads the same book at the same time and then people get together at libraries, museums, schools and community centres to talk about it.

Last fall, Chicagoans in their tens of thousands read Harper Lee's novel about Southern bigotry, *To Kill a*

Mockingbird. The "one book, one city" programme or city's reading festival works to make the reading habit public. It is an idea worth considering, any place, any time.

The challenge in Malaysia is to persuade people that books should have lives beyond the examination syllabus. Reading is not only imperative to acquire knowledge but also to understand history, recover neglected masterpieces, increase self-esteem and to appreciate the aesthetic pleasures of language. But of course, the chief end of reading is to produce a knowledgeable person and society. Which explains why the pursuit of knowledge is seen as a spiritual obligation. Our lack of the reading habit speaks of poverty of both thought and culture.

(reprinted from *New Straits Times* Editorial July 1, 2002)

Sungai

Sungai,
Mengalir di dada bumi
Lesu menuju muara

Dulu...,
Wajahmu indah berseri
Pencetus ilham para pengkarya

Kini...,
Wajahmu tidak berseri lagi
Warnamu, baumu...ah...tidak
seperti dulu lagi

Kerakusan dan tamak haloba
tangan-tangan manusia
Telah merubah segala yang
indah pada dirimu

SIROMOSA/2005


PROGRAM 'DATABASE OF THE MONTH'

Bahagian Rujukan dan Maklumat menjalankan promosi pangkalan data setiap bulan khususnya untuk menambah kepada pengetahuan pelajar-pelajar dan staf akademik.

Ogos 2005 Pangkalan Data ProQuest
September 2005 Pangkalan Data EbscoHost
Oktober 2005 Pangkalan Data Emerald
Disember 2005 Pangkalan Data GMID (Global Market Information Databases)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Kaunter Rujukan dan Maklumat
Tingkat 2,
Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1),
Universiti Sains Malaysia
Tel: 04-6533888 sambungan 3723
Emel: rujukan@notes.usm.my



GMID

ProQuest®

EBSCO Research
HOST Databases

Emerald



SUDUT HADIAH NOBEL DI PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Oleh : Rizalawati Ayu Abdul Razak

Sejak diperkenalkan pada tahun 1901, penerima Hadiah Nobel atau lebih dikenali sebagai *Nobel Laureates* kini berjumlah 715 penerima. Daripada jumlah tersebut hanya beberapa orang penerima sahaja adalah dari negara Asia seperti India, Jepun dan China.

Menyedari hakikat ini Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia telah mewujudkan Sudut Hadiah Nobel untuk menimbulkan minat dan kesedaran masyarakat kampus mengenai anugerah yang amat berprestij ini.

Sudut Hadiah Nobel yang ditempatkan di tingkat 3, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 merupakan pameran tetap Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Ia dibahagikan kepada 7 seksyen iaitu *Nobel Laureates 2004*, *Nobel Prize Stories*, *Nobel Prize, Malaysia's Nobel Aspirations*, *Asian Nobel Laureates*, *Nobel Laureates 2003* dan *Women Nobel Laureates* serta beberapa gambar pemenang Hadiah Nobel yang terpilih. Tingkat 3, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 telah dipilih kerana ia merupakan kawasan yang menempatkan bahan-bahan buku, majalah dan bahan-bahan rujukan dalam bidang Sains dan Teknologi. Bahan-bahan pameran untuk Sudut Hadiah Nobel

diperolehi dari keratan akhbar tempatan dan laman web rasmi Hadiah Nobel iaitu nobelprize.org. Bahan-bahan pameran Sudut Hadiah Nobel dikemaskini sebanyak 2 kali setahun terutamanya selepas pemenang Hadiah Nobel diumumkan pada bulan Oktober.

Sudut Hadiah Nobel ini merupakan rentetan daripada beberapa siri pameran Hadiah Nobel yang telah diadakan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut. Pameran "Penerima Hadiah Nobel" pada tahun 2001 adalah pameran Hadiah Nobel yang pertama diadakan. Pameran tersebut yang mempamerkan pemenang-pemenang Hadiah Nobel terpilih dalam bidang Fizik, Kimia, Perubatan, Kesusasteraan, Keamanan dan Ekonomi telah diadakan bermula dari 12 Disember 2001 hingga 31 Januari 2002.

Pada tahun 2004, bersempena kedatangan Prof. Gerardus t' Hooft, pemenang Hadiah Nobel (Fizik, 1999) ke Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Hamzah Sendut turut

mengadakan pameran "*Nobel Laureates in Physics*" di Dewan Budaya dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1. Selain dari pameran tersebut, majlis pidato, syarahan umum, forum khas dan sesi motivasi sains dengan beliau telah diadakan bagi meraikan kedatangan beliau ke Universiti Sains Malaysia. Pameran yang diadakan dari 8-31 Mac ini memaparkan pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Fizik sejak tahun 1901. Pada masa yang sama di Kuala Lumpur berlangsung Pameran 100 tahun Hadiah Nobel bertemakan "*Cultures of Creativity*" yang diadakan di Pusat Sains Negara.

Sememangnya Perpustakaan Hamzah Sendut amat mengharapkan Sudut Hadiah Nobel ini menjadi inspirasi dan pemangkin kepada pelajar dan ahli akademik Universiti Sains Malaysia untuk mencatat sejarah sebagai penerima Hadiah Nobel yang pertama dari Malaysia. Seperti mana yang telah diungkapkan oleh pengasas Hadiah Nobel, Alfred Nobel, "*To spread knowledge is to spread well being*".



PROFIL : RAMLI ABDUL SAMAD

Oleh : Wartawan Jendela



Beliau dilahirkan 54 tahun yang lalu di sebuah perkampungan bernama Kepala Batas, Tumpat Kelantan. Nama kampung itu sudah tidak wujud lagi sekarang. Kemudian Ramli dibesarkan di Melaka, mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tranquerah dan Sekolah Tinggi Melaka (Melaka High School) sebelum

mengecapi pendidikan universiti di Universiti Sains Malaysia.

Sebahagian besar hidupnya dinikmati di Pulau Pinang meskipun kampung halamannya di Labu, Negeri Sembilan. Beliau mempunyai dua puteri, seorang putera dengan seorang pasangan hidup-mati, Zarina Mustafa.

Ramli kini bertugas di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan (BPPP). Sebelum itu beliau pernah bertugas di Unit Sirkulasi BPPP sebelum dihantar ke Australia tajaan biasiswa *International Development Program of Australian Universities and Colleges* untuk memperoleh kelayakan profesional dalam bidang kepustakawanan. Sekembalinya dari Australia beliau bertugas di Bahagian Rujukan dan Maklumat, Unit Reprografi dan Pinjaman Antara Perpustakaan, dan Bahagian Malaysian dan Arkib. Ramli telah berkhidmat selama 24 tahun dan tidak lama lagi beliau akan bersama dengan Kumpulan 'Rock' POP iaitu Persatuan Orang Pecen.

Oleh kerana beliau bertugas di persekitaran Perpustakaan di mana terdapat banyak bahan dan maklumat, beliau telah juga terpanggil mencebur dalam kerja komuniti, iaitu menyalurkan informasi dan maklumat melalui penulisan dalam pelbagai media massa untuk khalayak ramai, bukan untuk golongan elit atau yang terpelajar

sahaja. Dalam bidang ini Ramli telah berjaya menghasilkan tidak kurang daripada 600 rencana dan telah diterbitkan dalam pelbagai terbitan.

Beliau pernah ditanya apakah saat yang paling gembira semasa bertugas di Perpustakaan. Mengikutnya ada dua ketika: pertama, mendapat peluang membentangkan sebuah kertas kerja pada peringkat antarabangsa di Boston, Amerika Syarikat atas tajaan *Swedish International Development Agency* pada tahun 2001; kedua, kertas kerja itu diterima masuk ke dalam sebuah jurnal perpustakaan antarabangsa.

Penglibatan beliau dalam arena penulisan telah mendapat beberapa pengiktirafan seperti berikut:

1. Anugerah Sebagai Naib Johan, Pertandingan Esei Bagi Sektor Korporat anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2002
2. Anugerah Sebagai Naib Johan, Pertandingan Esei Bagi Sektor Korporat anjuran DBP, 2003
3. Anugerah Penghargaan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN), 1997
4. Anugerah Penghargaan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN), 2002
5. Anugerah Sanggar Sanjung, Universiti Sains Malaysia (USM), 2002

Sekarang beliau menjadi penyumbang kepada majalah Dewan Masyarakat bagi ruangan 'Astronomi' dan telah menyiapkan beberapa skrip tentang astronomi bagi sebuah syarikat yang telah disiarkan di TV1 pada bulan September lalu. Minat beliau terhadap astronomi cukup tinggi kerana beliau percaya melalui astronomi beliau lebih mendekati Ilahi.

Ramai orang tidak tahu bahawa Ramli sebenarnya ialah seorang pemalu dan 'reserved'. Beliau juga aktif dengan kerja-kerja di luar pejabat. Misalnya, beliau terlibat dengan Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM sejak tahun 1987 dan juga berminat dalam bidang penulisan. Sekarang ini beliau ialah ahli Jawatankuasa EXCO *Persatuan Karyawan*, Pulau Pinang.

Ditanya apakah aspirasi hidupnya. Beliau menjawab:

"beri aku bunga melati yang kembang di lubuk hati"



MOHD IDRIS MENERIMA ANUGERAH TOKOH KECEMERLANGAN MAAL HIJRAH 1426 PERINGKAT USM

Oleh : Wartawan Jendela

Seorang lagi Staf Perpustakaan dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah 1426 peringkat USM. Beliau ialah Mohd Idris Hj Ali dari Unit PAP dan kini bertugas di Bahagian Perolehan. Pada tahun lepas En. Mazlan Nor dari Bahagian Proses Teknik juga dianugerahkan anugerah yang sama bagi tahun 1425.

Saudara Mohd Idris menerima Anugerah tersebut pada 23 Februari 2005 di Balai Paseban Agung, Pusat Pengajian Seni. Anugerah disampaikan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan disaksikan oleh Naib Canselor USM dan para jemputan. Hadiah berupa sijil, jam tangan, sebuah al-Quran dan wang tunai dua ribu ringgit.

Saudara Idris dilahirkan di Parit Haji Wahab, Parit Buntar, Perak, menerima pendidikan awal di beberapa Sekolah Rendah dan meneruskan pendidikan peringkat menengah di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh (Sekolah Agama Lelaki) dari tingkatan satu hingga lima. Mohd Idris memulakan kerjayanya sebagai seorang kerani di Perpustakaan pada tahun 1974 dan dinaikkan sebagai Pustakawan hingga sekarang, iaitu telah bertugas lebih 31 tahun. Semasa bertugas beliau telah memohon cuti tanpa gaji untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Kepustakawanan dan berjaya memperoleh Ijazah B.Lib. Sci. (UiTM) pada tahun 1988. Selepas itu beliau meneruskan pengajian beliau melalui Pengajian Luar Kampus dan berjaya memperoleh B.Soc. Sci. (hons) USM pada tahun 1996.

Untuk mendapat Anugerah Tokoh Kecemerlangan Maal Hijrah ini bukanlah mudah dan perlu memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Antara ciri-cirinya ialah, mesti cemerlang dalam tugas atau kerja harian dan mestilah terlibat dalam tugas-tugas

kemasyarakatan dalam jabatan dan juga masyarakat luar termasuk dalam kegiatan agama dan dakwah melalui jawatankuasa dan sebagainya.

Mohd Idris seorang yang sederhana dan beliau aktif dalam berbagai-bagai aktiviti sama ada pada peringkat jabatan mahupun kampung. Pada peringkat Jabatan beliau terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai:

- i) AJK Kecil Sosial dan Hospitaliti ICOL 2005
- ii) Pengerusi Penginapan, Majlis Konvokesyen USM 2002–2004
- iii) Pengerusi Jawatankuasa Adhoc Sambutan Ambang Kemerdekaan Perpustakaan 2004
- iv) Pengerusi Jawatankuasa Ad Hoc Sambutan Ramadhan Perpustakaan 2004
- v) Bendahari Tabung Kemajuan Kerjaya Perpustakaan 2001–2003
- vi) Setiausaha Kelab Sukan Kakitangan USM 1988–1999
- vii) Setiausaha Sosial Angkatan Seni dan Sukan Perpustakaan (ASTAKA) 1976–1983
- viii) Setiausaha Kebajikan ASTAKA 1984–1985
- ix) Setiausaha ASTAKA 1989–1991
- x) Naib Presiden ASTAKA 1997–2002



Pada peringkat Kampung, beliau aktif sebagai:

- i) Penolong Setiausaha, Qaryah Masjid Telok Kumbang 2002–2005
- ii) Setiausaha Forum Penghayatan Islam I – VII (1996–2004) Qaryah Masjid Telok Kumbang.
- iii) Setiausaha Pertandingan Nasyid 2004, Qaryah Masjid Telok Kumbang.
- iv) Setiausaha Skim Saham Wakaf, Qaryah Masjid Telok Kumbang.
- v) Setiausaha Sambutan Maulidurrasul 2002–2004, Peringkat Qariah Masjid Telok Kumbang.
- vi) Pengerusi Kem Penghayatan Solat untuk pelajar berumur 11–12 tahun, Qaryah Masjid Telok Kumbang (2003–2004)
- vii) Setiausaha Surau Kampong Nelayan, Telok Kumbang 1990–2005.
- viii) Setiausaha Penduduk Kampong Nelayan, Telok Kumbang 1990–2005.
- ix) Imam Surau Kg. Nelayan 1988–2005
- x) Pengerusi Qurban Surau Kg. Nelayan 1998–2005

Sumbangan pada peringkat Daerah pula termasuk:

- i) Pengerusi Koperasi Muslimin, Daerah Barat Daya 2000–2005
- ii) Setiausaha Juvana Daerah Barat Daya, Balik Pulau 1994–1998
- iii) Setiausaha JKKK Telok Kumbang 1985–1986, 1993–1997

Di samping itu Mohd Idris juga telah menerima beberapa anugerah dan sijil dari USM dan juga Perpustakaan seperti:

- i) Sijil Khidmat Cemerlang USM 2000
- ii) Sijil Khidmat Cemerlang USM 2004
- iii) Surat Penghargaan Fasilitator Bengkel Dokumentasi ISO 9001: 2000 pada 9–10 Oktober 2004 di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
- iv) Sijil Sekalung Budi Pengerusi Penginapan Mesyuarat Ketua Eksekutif Badan-Badan Berkanun Persekutuan pada 14 Jun 2004
- v) Surat Penghargaan Sebagai Auditor Audit

Kualiti Dalaman ISO 9001 : 2000 Perpustakaan 2002–2004

- vi) Sijil Penghargaan Pengerusi Penginapan Konvokesyen 2003
- vii) Sijil Penghargaan Penceramah/Pemudahcara Kursus Asas Kepustakawanan 2003
- viii) Sijil Penghargaan Pengerusi Penginapan Konvokesyen 2001
- ix) Sijil Khidmat Cemerlang Perpustakaan 1998
- x) Sijil Perkhidmatan Lama 2000
- xi) Tokoh ASTAKA 1991
- xii) Surat Penghargaan Hari Warga Staf USM 2002
- xiii) Sijil Penghargaan Sebagai Pengerusi Pertandingan Sahibba pada 28 Jun – 6 Julai 1997 sempena Pesta Buku dan Multimedia Negeri Pulau Pinang
- xiv) Surat Penghargaan Petugas Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA pada 25–28 Oktober 2001 di Kuala Lumpur
- xv) Sijil Penghargaan Hakim Pertandingan Sahibba sempena Gerakan Membaca Negeri Pulau Pinang 1996

Mohd Idris telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak, dua orang lelaki dan seorang perempuan di samping telah mendapat seorang cucu.

Jendela dan staf Perpustakaan turut bergembira dan mengucapkan tahniah kepada beliau. Sebagai tanda kegembiraan tersebut, Perpustakaan telah meraikannya melalui jamuan yang telah diadakan pada April 2005 yang lalu.

SYABAS DAN TAJENIAH.....



JAWATANKUASA PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Pada 9 Jun 2005, Jawatankuasa Pengurusan Perpustakaan (JPP) telah mengadakan Mesyuaratnya yang ke-78 di Perpustakaan Kampus Kejuruteraan. Jawatankuasa ini adalah yang tertinggi di peringkat jabatan yang menentukan dasar dan peraturan Perpustakaan. Di mana perlu, keputusan/perkara perbincangan JPP dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan di peringkat Universiti.

Keahlian JPP terdiri dari Ketua Pustakawan selaku Pengerusi, Ketua Bahagian Rujukan & Maklumat selaku Setiausaha dan semua Timbalan Ketua Pustakawan, Ketua Perpustakaan Cawangan dan Ketua Bahagian (secara automatik) adalah ahli Jawatankuasa. Sejak Mesyuaratnya yang ke-70 dalam tahun 2002, Pengurus Kualiti juga telah dilantik sebagai ahli tetap Jawatankuasa.

JPP bermesyuarat tiga kali setahun di mana laporan-laporan yang dibentangkan adalah untuk jangkamasa Januari – April, Mei – Ogos dan September – Disember. Antara perkara yang dilapor dan dibincang sebagai agenda tetap Mesyuarat adalah:

- i. Pelaksanaan ISO 9001:2000 di Perpustakaan
- ii. Jawatankuasa-Jawatankuasa tetap Perpustakaan
- iii. Pembangunan Sumber Manusia
- iv. Pembangunan Sumber Maklumat
- v. Pembangunan Fizikal Perpustakaan
- vi. Sistem Maklumat berkomputer dan Pembangunan
- vii. Koleksi Digital
- viii. Perkhidmatan Pengguna
- ix. Kemajuan Perpustakaan Cawangan
- x. dan Seminar Kakitangan Ikhtisas.

Sumbangan CNB



BENGKEL PENULISAN

Perpustakaan Hamzah Sendut telah julung-julung kalinya mengadakan satu bengkel istimewa pada 19-20 Mei 2005 di Hotel Vistana, Pulau Pinang. Sejumlah 28 pustakawan telah mengikuti bengkel itu.

Pustakawan bekerja dalam persekitaran maklumat. Pustakawan bukan saja ditugas untuk menguruskan pelbagai maklumat itu tetapi digalakkan supaya menimba kemahiran menulis. Bengkel ini telah memberi sedikit pendedahan tentang persediaan untuk menulis baik dari segi genre akademik mahupun bukan akademik. Teknik-teknik dan asas-asas atau nahu penulisan telah dihuraikan oleh dua orang staf daripada Penerbit USM, iaitu Puan Fazlina Mohamad Rouse dan Puan Zaibedah Hashim.

Pustakawan sangat beruntung kerana bahan maklumat yang sedia ada baik dalam bentuk cetakan mahupun dalam

talian boleh didapati di dalam perpustakaan. Ada yang bersifat saintifik dan ada yang bukan saintifik, pokoknya bahan itu ada di depan mata mereka. Bahan maklumat itu menunggu sama ada untuk diolah atau menjadi modal untuk subjek penulisan. Jika seseorang pustakawan itu berminat dengan kehadiran pelbagai bahan maklumat ini dan mengadakan dengan imajinasinya, besar kemungkinan sebuah karya dapat dihasilkan.

Bengkel ini juga telah menghasilkan tiga jenis penulisan yang telah ditulis bersama-sama beberapa pustakawan semasa pustakawan membuat latihan amali. Jendela menerbitkan sebahagian daripadanya untuk tatapan semua.

**BENGKEL
PENULISAN
UNTUK
PUSTAKAWAN
19 & 20 MEI 2005**

BARISAN PEMIMPIN ANGKATAN SENI DAN SUKAN PERPUSTAKAAN (ASTAKA) 2005-2007

ASTAKA telah ditubuhkan pada tahun 1978. Ia masih hidup dan dinamik. ASTAKA ialah pertubuhan tidak formal yang terus mendukung menjalin siratulrahim antara semua staf Perpustakaan. Siratulrahim ini amat penting kerana ia memberi rasa 'sekeluarga' antara lebih daripada 150 staf Perpustakaan. Staf Perpustakaan merasa mereka terhubung sebagai satu keluarga besar Perpustakaan Hamzah Sendut. Melalui pelbagai program ASTAKA, hubungan staf diperkasakan. ASTAKA merupakan satu pertubuhan tidak formal yang aktif berbanding pertubuhan-pertubuhan tidak formal lain yang terdapat di jabatan-jabatan lain di Universiti Sains Malaysia. Setiap dua tahun staf akan membuat pemilihan ahli jawatankuasanya. Bagi tahun 2005-2007, satu barisan baru telah dibuat melalui mesyuarat agung dwitahunannya pada 8 Julai 2005.

AHLI JAWATANKUASA ASTAKA TAHUN 2005-2007

Presiden	En. Abdul Basher Abdullah
Naib Presiden	Cik Radia Banu Jan Mohamad
Setiausaha	Cik Salasiah Zakaria
Penolong Setiausaha	Pn. Che Om Md Noor
Bendahari	En. Ahmad Suhardi Abdul Kadir
Setiausaha Sosial	En. Ariffin Aziz
Penolong Setiausaha Sosial	En. Raffidah Hussain
Setiausaha Sosial	En. Ariffin Aziz
Penolong Setiausaha Sosial	Pn. Raffidah Hussain
Setiausaha Kebajikan	En. Hasril Fadzli B. Hasan
Setiausaha Sukan	En. Shahnizam Abd. Rahim
Penolong Setiausaha Sukan	En. Shahrizam Mahmud
Wakil Kakitangan Ikhtisas	Puan Husriati Hussain
Wakil Pembantu Tadbir	En. Nor Adzam Baba
Wakil Juruteknik	En. Che Mad Suid
Wakil Pembantu Tadbir Rendah	Pn. Aminah Ismail
Wakil Pembantu Am Rendah	En. Hairul Azwan Adnan



Pilihanraya Astaka pada 8 Julai 2005 untuk menentukan AJK ASTAKA sesi 2005-2007

PERPUSTAKAAN MENERIMA LEBIH 4,000 PELAJAR BARU BAGI SESI 2005-2006



USM telah menawarkan sejumlah lebih daripada 4,000 pelajar bagi sesi tahun 2005-2006. Seperti biasa pihak Perpustakaan harus memberi pendedahan awal tentang kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada di Perpustakaan kepada golongan baru ini. Pihak Perpustakaan melalui Bahagian Perkhidmatan dan Pengembangan, Bahagian Maklumat dan Rujukan dan Bahagian Automasi telah membekalkan para pelajar baru tentang perihal Perpustakaan. Para pelajar diingatkan bahawa Perpustakaan ialah satu daripada bahagian penting dalam infrastruktur USM kerana maklumat ilmiah yang berkaitan dengan kursus mereka ditempatkan di Perpustakaan. Cara hendak mengenal pasti, mengesan dan memanfaatkan sepenuhnya maklumat itu menjadi agenda utama para pustakawan menerangkannya. Hampir semua pelajar diberi taklimat, bengkel dan 'sudut bantuan' atau *help desk* sebagai persediaan bagi mereka untuk meneroka ilmu yang tersurat dan tersirat dalam Perpustakaan.



STAF YANG MEWAKILI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DALAM SUKAN

1. Seorang staf Sharil Sukor, Pembantu Am Rendah (PAR) di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan telah menjadi warga Perpustakaan pada tahun 2003. Selain menjalankan tugasnya, beliau amat aktif dalam bidang sukan khususnya dalam arena sepak takraw. Kini beliau mewakili bukan sahaja Universiti Sains Malaysia (USM) dan negeri Pulau Pinang, tetapi untuk negara Malaysia. Jati dirinya berwatak pendiam dan lemah lembut, tetapi di gelanggang beliau selaku apit kanan, salah seorang yang tugasnya mencari markah melalui pukulan mati atau kecanganya. Setakat ini beliau telah mewakili negara ke Thailand pada tahun 2002 dan ke Brazil pada tahun 2004.

2. Saudara Shahidan Mazelan menjadi staf Perpustakaan pada tahun 2000. Beliau yang bertugas sebagai PAR di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan aktif dalam bidang bola sepak dan sejak tahun 2000 sehingga kini telah mewakili USM. Beliau juga mewakili Futsal Kebangsaan dan telah banyak bertanding atas nama USM di pertandingan antara universiti-universiti. Juga berperwatakan seorang yang pendiam tetapi hebat di atas padang: berlari, menanduk dan menghambat bola sebelum berjaya mengirih bola ke gawang pihak lawan.

3. Mohd. Zaidi Ahmad, juga staf PAR di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan sejak tahun 1996 aktif dalam bidang bola sepak pada peringkat USM. Anak muda ini mudah senyum dan

telah banyak mencebur diri dalam pelbagai pertandingan bola sepak seperti Kejohanan Bola Sepak Piala Emas Raja-Raja Peringkat Negeri pada tahun 2000-2003, Sukan Maksak Kebangsaan pada tahun 1999-2003 dan Futsal Kebangsaan pada tahun 2003.

4. Mahadzer Hj. Mokhtar mula berkhidmat dengan USM pada tahun 2000, hanya pada tahun 2003 beliau mula bertugas dengan Perpustakaan. Sekarang bertugas sebagai Pembantu Tadbir di Bahagian Rujukan dan Maklumat. Beliau seperti saudara Sharil Sukor, tampan orangnya mempunyai bakat besar dalam sepak takraw. Misalnya, pada tahun 2003 beliau terlibat sebagai wakil sekretariat dan pegawai bagi Kontingen negara Jepun pada Kejohanan Sepak Takraw Dunia 2003. Beliau bukan sahaja pemain tekong sepak takraw yang mewakili USM tetapi turut mewakili pada peringkat negeri dan negara. Beliau hampir dinobatkan sebagai calon olahragawan Harapan 2002-2004 bagi peringkat negeri Pulau Pinang.



BENGGKEL MARC 21

Sebahagian besar pustakawan dan Pembantu Tadbir Kanan perpustakaan telah diberi satu dedahan mengenai MARC 21 pada 13 Jun 2005. MARC bermaksud MACHine-Readable Cataloguing. Ini bermakna komputer boleh menterjemahkan input-input yang dibuat melalui tag dan subfield mengikut piawai tertentu dan rekod

yang bina itu mudah difahami dan dibaca. Pemudah acara bengkel ini ialah Hajjah Aini Yusof dari Bahagian Proses Teknik.

Bengkel ini bertujuan mendedahkan perihal MARC 21 yang banyak berkaitan dengan atur acara, piawai dan peraturan menyediakan sesebuah rekod bibliografi. Maka konsep 'tag dan sub-fields' banyak dikupas pada bengkel itu agar dalam

tugas harian, mereka akan lebih peka tentang pentingnya MARC 21 semasa memproses rekod bibliografi. Juga rekod yang berdasarkan MARC 21, boleh dikongsi bersama dengan sesiapa saja di seantero dunia yang turut mengamalkan MARC 21. Para peserta turut diberi latihan dan penilaian terhadap latihan mereka pada akhir sesi bengkel.



KELAB RAKAN PERPUSTAKAAN USM

Bersempena Kempen Bulan Membaca Julai 2005, Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) telah melancarkan satu kelab yang "informal" iaitu Kelab Rakan Perpustakaan USM (Friends of USM Library). Kelab ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:-

1. Memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat kampus
2. Membuka ruang bagi Rakan Perpustakaan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti Perpustakaan
3. Menjadikan Rakan Perpustakaan sebagai "duta" Perpustakaan di kalangan sebaya mereka
4. Memupuk semangat sukarelawan di kalangan Rakan Perpustakaan
5. Merancang aktiviti keilmuan seperti perbincangan ulasan buku dan berkongsi maklumat tentang buku yang telah dibaca dan sebagainya
6. Memberi cadangan serta ide baru supaya dimanfaatkan bersama oleh Rakan dan Perpustakaan demi penambahbaikan perkhidmatan

Naib Canselor USM, Y. Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak telah melancarkan kelab ini pada 21 Julai 2005, sempena Pelancaran Bulan Membaca peringkat Perpustakaan Hamzah Sendut. Y. Bhg. Dato' Naib Canselor telah menjadi ahli pertama Kelab ini dan diikuti oleh En. Azman Abdullah, Pendaftar USM.

PENGANUGERAHAN SIJIL PERKHIDMATAN LAMA DAN SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tahniah diucapkan kepada staf Perpustakaan Hamzah Sendut yang telah menerima penganugerahan di atas.

Cik Rapaah Ahmed dan Encik Ismail Abu yang telah berkhidmat dengan Universiti ini selama 25 tahun telah menerima Sijil Perkhidmatan Lama.

Encik Abdul Rahim Derani, Encik Ahmad Saleh, Encik Ahmad Zaki Mustafa, Encik Amin Razip Hassan, Puan Che Om Md. Noor, Encik Hasan Sukit, Encik Ku Azan Ku Ibrahim, Encik Mohd. Yusoff Ismail, Encik Omar Yusoff, Puan Rahmah Baharom dan Encik Shuhani Ridzwan telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00 seorang.

Mereka telah diraikan di Majlis Makan Malam Penghargaan Perkhidmatan pada hari Rabu, 20 April 2005 di Laurel Ballroom, Hotel Evergreen Laurel, Persiaran Gurney, Pulau Pinang.

PROGRAM BULAN MEMBACA

Perpustakaan telah menganjurkan Program Bulan Membaca pada bulan Julai lalu. Antara acara yang dibuat ialah menjemput Sasterawan Negara (SN), Professor Muhammad Haji Salleh pada satu segmen "Bicara Karyawan". SN telah berkongsi pengalaman beliau dari segi proses pengkaryaan menghasilkan buku "Salju Shibuya".





PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA KUMPULAN TIMUR

Oleh : Rugayah Ali
Perpustakaan Kampus Kesihatan

Penubuhan

Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur (PPMT) ialah satu daripada cawangan Persatuan Pustakawan Malaysia selain Persatuan Pustakawan Malaysia Kawasan Selatan dan Kawasan Utara. Tujuan utama PPMT ditubuhkan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan antara pustakawan-pustakawan dari tiga buah negeri di Pantai Timur, iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Selain itu penubuhan ini akan lebih menggiatkan dan memudahkan pelaksanaan aktiviti kepustakawanan yang dirancang selaras dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada peringkat pusat.

PPMT telah ditubuhkan secara rasmi melalui Mesyuarat Agungnya yang pertama pada 10 Mac 2004 di Bilik Mesyuarat Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Keahlian

Keahlian PPMT adalah dari kalangan staf daripada beberapa perpustakaan di Wilayah Timur iaitu:

- Perpustakaan Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Kelantan
- Perpustakaan UiTM, Machang
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Kota Bharu
- Perpustakaan Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu
- Perpustakaan Kolej Universiti Sains dan Teknologi (KUSTEM), Terengganu

- Perpustakaan Kolej Yayasan Terengganu (KYT)
- Perpustakaan UiTM, Dungun
- Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Kuala Terengganu
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan Pahang
- Perpustakaan Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Kuantan Pahang
- Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP)
- Perpustakaan UiTM, Kuantan Pahang.

Peneraju Persatuan

Ahli jawatankuasa telah dilantik melalui pemilihan untuk menerajui PPMT dalam tempoh 2 tahun, 2004 – 2005 iaitu seperti berikut:

Pengerusi :	Aishah Mohd. Nasir (KUSTEM)
Naib Pengerusi :	Sofiah Hashim (USM, Kelantan)
Setiausaha :	Sarawati Sulong (KUSTEM)
Naib Setiausaha :	Rugayah Ali (USM, Kelantan)
Bendahari :	Sharifah Akmal Syed Abd. Rahman (KUSTEM)
Naib Bendahari :	Khairuddin Salleh (KYT)
Pemeriksa Kira-kira :	Rohani Othman (KUSZA) Faridah Muda (KUSZA)

Ahli Jawatankuasa :
Anidah Mohamad (PPAK)
Anuar Awang (UiTM, Dungun)
Sakinah Kamaludin (KUKTEM)
Che Hasnah Ab. Ghani (USM, Kelantan)
Ghazali Mat Jamil (KUSZA)
Atip Ali (KUSTEM)

Aktiviti yang dijalankan

- Penyediaan Direktori Ahli PPMT dan Laman Web PPMT
 - Aktiviti penyediaan Direktori sedang diusahakan oleh Perpustakaan USM
 - Laman web PPMT sedang dibangunkan oleh Perpustakaan KUSTEM.
- Menganjurkan Seminar
 - Seminar bertajuk 'Perpustakaan dan Teknologi Terkini: realiti dan cabaran' pada 22/12/2004, anjuran PPMT dan KUSTEM
- Mengadakan Bengkel Kemahiran Maklumat
 - lanjutan daripada bengkel yang dianjurkan oleh PPM Pusat yang telah diadakan di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Terengganu.
- Menjalankan soal selidik Tabiat Membaca
 - Soal selidik tabiat membaca dari aspek kemudahan perpustakaan dalam kalangan penduduk dari skop perkhidmatan komuniti masyarakat bandar, kampung dan desa – telah dijalankan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan akan diperluaskan kepada PPAK (Kelantan) dan PPAT (Terengganu).
 - PPAT dan UiTM Dungun akan menganjurkan aktiviti ini secara bersama.
- Program Lawatan
 - Perpustakaan KUSTEM telah mengadakan lawatan ke KUKTEM.

- Program lawatan seterusnya telah dirancang dan akan dikendalikan oleh Perpustakaan KUSTEM juga
- f) Surat Berita (*newsletter*)
 - Newsletter* yang mengandungi berita-berita dan perkembangan persatuan, informasi terkini dalam kalangan ahli dan tentang institusi masing-masing akan dimuatkan di dalamnya.
 - Penerbitan ini akan disediakan oleh Perpustakaan KUSZA dengan kekerapan dua kali setahun.

Sebagai mana maklum peranan pustakawan bukan hanya memfokuskan tugas rutin kepustakawanan tetapi boleh juga dikembangkan kepada aktiviti sosial yang berkaitan. Melalui persatuan ini diharapkan agar segala aktiviti yang dirancang dan dijalankan akan dapat memberi manfaat dan kemajuan kepada staf perpustakaan begitu juga kepada pembangunan masyarakat setempat.



PANTUN NASIHAT

Oleh : Othman Noor

*Payung mahkota milik Arjuna
Duduk bersantap disinggahsana
Hidup berilmu amat bermakna
Kelak menjadi insan sempurna*

*Puteri Santubong tersandung duri
Duri dikias lekat di jari
Ilmu disemai penghias diri
Buat bekal menghadap Illahi*

*Takwa dan redha sanjungan insan
Insan yang cekal berjiwa murni
Mencari ilmu janganlah bosan
Buat pedoman kemudian hari*

ICOL 2005



*International Conference on Libraries :
Towards a Knowledge Society (ICOL 2005) /
Persidangan Antarabangsa Perpustakaan:
Ke Arah Masyarakat Berilmu.
14 - 16 Mac 2005 (Isnin - Rabu)
(8.30 pagi - 4.30 petang)
Hotel Grand Plaza Parkroyal, Pulau Pinang
Anjuran Perpustakaan Universiti Sains Malaysia
dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia
dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.*

Persidangan Antarabangsa Perpustakaan: Ke Arah Masyarakat Berilmu / International Conference on Libraries : Towards a Knowledge Society (ICOL 2005) telah berjaya diadakan pada 14 - 16 Mac 2005 oleh Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Persidangan yang diadakan di Hotel Grand Plaza Parkroyal, Pulau Pinang telah berjaya mengumpul seramai 83 orang peserta dari dalam dan luar negara serta 9 buah wakil syarikat untuk pameran produk.

Persidangan yang berlangsung selama 3 hari ini merangkumi 6 sesi dan 3 ucapan oleh pembentang kertaskerja dari dalam dan luar negara. Apa yang istimewa pada persidangan ini adalah kehadiran tiga orang tokoh terbilang bagi setiap sesi ucap utama. Mereka ialah Professor Dato' Dr. Syed Hussein Al-atas dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Professor Dato'

Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid dari Universiti Tun Abdul Razak dan Professor Muhammad Haji Salleh, Sasterawan Negara dari Universiti Sains Malaysia. Mereka telah mengupas secara luas konsep-konsep yang berkaitan dengan tema persidangan.

Sebelum itu, Mesyuarat JK Persidangan Antarabangsa Perpustakaan telah diadakan sebanyak 19 kali sebagai langkah-langkah persiapan. Seramai lebih kurang 50 ahli jawatankuasa besar dan kecil yang terdiri daripada staf Perpustakaan, 2 orang staf dari pejabat PRO USM dan seorang staf dari Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan persidangan ini.

JK Persidangan juga telah menerima tajaan sebanyak RM10,000 dari Koperasi Kedai Buku USM Bankuet persidangan telah ditaja oleh dari dua buah syarikat iaitu YUHA dan Enche.

Ini adalah kali kedua Perpustakaan USM telah melaksanakan sebuah persidangan bertaraf antarabangsa. Secara keseluruhannya persidangan ini dikira berjaya dan menepati sasaran. Namun begitu, beberapa penambahbaikan boleh dilakukan pada masa hadapan dari segi perancangan aturcara dan perbelanjaan.

*Disumbangkan oleh Radia Banu Jan Mohamad,
Penolong Setiausaha, JK Persidangan Antarabangsa
Perpustakaan 2005.*



BAGAIMANA MELATIH BERFIKIR KREATIF

Kreatif merupakan sebuah istilah pendek dan sederhana, namun dari sebuah kreativiti akan terjadi sebuah kejayaan yang besar. Banyak penemuan besar sains dan teknologi, malahan dalam bidang lain juga bermula daripada sebuah kreativiti. Maka tidak keterlaluan bila dikatakan bahawa berfikir kreatif itu merupakan sebuah kunci keberhasilan.

Soalan yang sering dilontarkan ialah : Bagaimanakah untuk boleh berfikir kreatif yang membawa kesan positif?



Ada beberapa cara yang selalu diamalkan, kita rumuskan kepada lima cara seperti berikut:

1. Memikirkan semua boleh dilakukan

Percayalah, sesuatu yang akan kita kerjakan mampu kita selesaikan. Ini bererti kita harus optimis. Buangkan ungkapan yang bersifat pesimis. Kita jangan berkata, "Saya mungkin boleh buat kerja ini", tetapi harus bersikap dan bernada, " Saya pasti boleh membuat kerja ini", atau kita tambahkan semangat dengan berkata, "Bagi saya tidak ada kata pasrah!" Pernyataan optimis melatih kita berani menghadapi sesuatu persoalan. Dengan itu cara kita berfikir pun berkembang kerana kita memberi isyarat kepada otak yang kita akan meneruskan tekad membuat sesuatu kerja.

2. Buangkan berfikir cara konservatif

Cara berfikir konservatif ditandai dengan kekhuatiran untuk menerima perubahan, walaupun perubahan itu membawa manfaat. Oleh kerana ingin mempertahankan gaya konservatif, perubahan ditanggapi secara dingin, malahan dipersepsikan sebagai sebuah ancaman pada dirinya. Seseorang itu sudah biasa hidup dalam aman dan merasa

banyak manfaat yang telah diperoleh dari cara hidup konservatif, maka ketika dituntut untuk mengubah pola pemikirannya bagi tujuan yang lebih baik, seseorang itu merasa takut akan mengalami sesuatu kerugian.

Ramai orang tidak sedar bahawa cara berfikir konservatif boleh memasung pemikiran kreatif kerana pemikiran konservatif membekukan sesuatu yang statik. Padahal berfikir kreatif bererti unsur statik semestinya dihapuskan.

3. Bersikap terbuka dengan input

Setiap masukan bahan mentah, baik idea, usulan mahupun kritik dan pandangan yang baik harus diterima dengan terbuka. Kemudian kita mengolahnya menjadi 'barang yang diproses' lewat pemikiran kreatif. Jangan takut dengan kemasukan itu kerana semua itu boleh merangsang kita. Buang yang keruh dan ambil yang jernih, sebaiknya selepas ditapis seelok-eloknya.

4. Cuba sedaya yang boleh

Pastikan bahawa kita berusaha dan mencuba membuat sesuatu kerja yang di luar bidang kita. Hal ini penting kerana ia akan memberi satu 'kekayaan' atau pengalaman baru yang lain daripada sebelum ini.

5. Harus bersikap proaktif

Kita harus bertindak aktif seperti diibaratkan 'menjemput bola' bukan 'menunggu bola'. Bertindak proaktif bererti membuat diri bebas memilih tindakan. Sudah tentunya tindakan ini harus terlebih dahulu berdasarkan perhitungan matang. Sesiapa sahaja boleh bersikap proaktif jika kita berfikir secara kreatif.

Mulalah berfikir dinamik, dengan terus mengolah pemikiran untuk menemukan pola fikir berkesan.



MENGUBATI SAKIT HATI

Sudah lumrah sakit hati dialami oleh sesiapa saja. Punca dan sumbernya boleh datang dari banyak sudut. Sakit hati boleh datang pada bila-bila saja dan bila tidak dijangka dengan tepat dan cepat, sakit hati boleh membuat suasana hati dan fikiran menjadi tidak enak. Rasa sakitnya pun boleh berterusan.

Bagaimanapun ada beberapa tindakan yang boleh diambil, untuk mengurangkan rasa sakit hati.

- Ingat terus saat yang menyenangkan semasa menikmati prestasi kerja yang baik, atau saat yang amat manis bersama keluarga. Buangkan persoalan yang menyakiti diri anda.

- Pergilah ke tempat yang menyenangkan atau berjumpa dengan orang yang bersedia mendengar keluhan hati anda.


- Menangislah jika perlu atau menjerit sekuat-kuat hati di tempat sunyi dan sesuai. Kalau boleh aksi

mengempalkan tinju lalu memukul ke udara dilakukan.

- Melakukan monolog mental di depan cermin atau menulis dalam buku harian.



- Sebaik saja sakit mereda, cuba ingat kebaikan dan kelebihan orang yang telah menyakiti hati anda, seburuk manapun pasti ada aspek kebaikannya.

- Tanya diri sendiri : Apakah anda telah benar-benar dalam keadaan neutral dan positif untuk menjalani hidup rutin semula?



SION? SYION? TION?

The moment you are in **TENSION**
 You will lose your **ATTENTION**
 Then you are in total **CONFUSION**
 and you'll feel **IRRITATION**
 This may spoil your personal **RELATIONS**
 Ultimately, you won't get **COOPERATION**
 And get things into **COMPLICATION**
 Then you may raise **CAUTION**
 And you have to take **MEDICATION**
 Why not try understanding the **SITUATION**
 And try to think about the **SOLUTION**
 Many problems will be solved by **DISCUSSION**
 Which will work out better in your **PROFESSION**
 Don't think this is a free **SUGGESTION**
 It is only for your **PREVENTION**
 If you understand my **INTENTION**
 You'll never come again into **TENSION**....



A Mechanic was removing a cylinder head from the motor of a Harley motorcycle when a well known heart surgeon came in to his shop. The Surgeon was there waiting for the service manager to come take a look at his bike. The Mechanic shouted across the garage, "Hey Doc, can I ask you a question?" The Surgeon, a bit surprised, walked over to the mechanic working on the motorcycle. The Mechanic straightened up, wiped his hands on a rag and asked, "So, doc, look at this engine. I open its heart, take valves out, fix 'em, put 'em back in and when I finish, it works just like new. So how come I get such a small salary and you get the really big bucks, when you and I are doing basically the same work?" The Surgeon paused, smiled and leaned over and whispered to the Mechanic "try doing it with the engine running."

PUSTAKAWAN DAN BUDAYA MEMBACA

Oleh: Ramli Abdul Samad

Pengenalan

Pada tahun 1972 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tahun itu sebagai Tahun Buku Antarabangsa, menandakan betapa pentingnya buku dan pembacanya diangkat oleh badan dunia itu. Pada peringkat negara pula Malaysia pada tahun 1988 telah mengisytiharkan bulan Ogos setiap tahun sejak 1995 sebagai Bulan Membaca.

Kedudukan Gerakan Membaca dan Membasmi Buta Huruf di Malaysia. Negara-negara maju dikatakan semasa peringkat awal pembangunan mereka, bidang pendidikan menjadi perhatian utama. Sehingga kini, kita dapati negara-negara maju masih memberi keutamaan kepada bidang pendidikan seperti pembinaan perpustakaan yang lengkap dengan sumber maklumat dan berbentuk teknologi terkini. Maka itu tidak menghairankan kita apabila negara-negara maju termasuk yang miskin sumber-sumber alamnya seperti Jepun, perkembangan dan kemajuan dicapai demikian pesat. Umumnya, rakyatnya bermutu tinggi dari segi budaya membaca dan minat terhadap pelbagai pengetahuan. Karya-karya dari barat atau Timur diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Jepun terkenal kerana mempunyai jumlah dan kualiti bahan-bahan bacaan daripada semua tajuk perkara. Bak kata Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh "Jepun terkenal sebagai negara penterjemah yang jempol". Minat membaca di negeri Sakura itu bagaikan tidak ada masalah. Di negara-negara maju, kebolehan

membaca merupakan sifat universal tidak mengira peringkat umur. Bagaimana pula senario di negara kita Malaysia?

Keadaan di Malaysia tidak begitu menggalakkan kerana terdapat beberapa suara tidak menyenangkan sudah memberi petunjuk bahawa rakyat kita pada umumnya tidak banyak membaca. Tabiat membaca belum menjadi sebahagian daripada budaya intelek atau menjadi sebahagian darah daging kita. Menurut bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato' Dr. Haji Hassan Ahmad, seorang dewasa Malaysia cuma membaca sebanyak satu dua halaman setahun. Kenyataan sedemikian sering diulang-ulang oleh tokoh-tokoh awam lain dalam pelbagai wacana mengenai mengakarumbikan budaya membaca. Gambaran ini amat mendukacitakan memandangkan negara kita yang kian menghampiri ke ambang status sebuah negara maju. Pendek kata, perkara yang masih menjadi persoalan ialah tahap amalan membaca yang rendah dalam kalangan penduduk 25 juta warga Malaysia yang boleh membaca.

UNESCO, sebuah cabang jabatan PBB, mengesyorkan seseorang dari sebuah negara membangun itu harus membaca pada kadar 80 helai atau muka surat setahun. Tampaknya cuma negara Jepun dan Korea Selatan di rantau Asia sahaja yang sahaja yang berupaya memenuhi piawaian ini. Bagaimanapun, pihak kerajaan kita sudah mengambil beberapa langkah demi menangani masalah kurang membaca untuk pengetahuan dalam kalangan rakyat kita meskipun belum sepenuhnya memenuhi

keberkesannya.

Misalnya, pengistiharan 1988 sebagai Tahun Membaca oleh negara menerusi Jawatankuasa Gerakan membaca Kebangsaan (JGMK) merupakan satu pengistiharan yang paling besar pengertiannya dalam usaha mewujudkan atau mentradisikan budaya membaca dalam kalangan rakyat ke arah menuju proses pembangunan intelektualisme dan spiritual bangsa.

Terdapat pelbagai faktor atau sebab kenapa rakyat Malaysia kurang membaca seperti sepatutnya. Antaranya ialah kurangnya bahan bacaan tempatan yang bermutu, umur, dan lokasi geografi yang masih mempengaruhi kebolehan membaca. Selain itu, harga buku umumnya adalah mahal. Maka faktor ekonomi ini merupakan salah satu batu penghalang ke arah menggalakkan lagi sikap membaca. Sementara itu, pengaruh media elektronik sedikit sebanyak turut juga menyumbang ke arah terbantutnya pertumbuhan sikap suka membaca.

Pengaruh Media Elektronik

Menurut satu laporan akhbar, salah satu masalah besar di Amerika Syarikat (AS) dewasa ini ialah merosot mutu celik huruf. Semakin ramai orang dewasa negara itu yang tidak lagi dapat membaca buku, dan tidak lagi dapat membaca surat khabar. Pengedaran majalah dan surat khabar turut merosot.

Kehadiran televisyen yang berlebihan sehingga 32 saluran serta padat dengan program sehari penuh

dikatakan sebagai sebahagian penyebab gejala itu. Belum lagi masuk ke sekolah, anak-anak Amerika sudah disogokkan dengan pendedahan televisyen.

Mungkin negara kita tidak seperti di AS. Kita mempunyai cuma empat saluran daripada ASTRO serta waktu siaran keempat-empat saluran di Malaysia adalah terbatas. Tetapi sebelum televisyen datang dan mekar di AS, kebudayaan membaca telah hadir secara kuat dan merata. Namun sekarang, budaya membaca sedang diancam oleh kehadiran televisyen yang berlebihan. Mungkin kita dapat iktibar daripada apa yang berlaku di AS. Kita bukanlah hendak menahan perkembangan saluran dan jaringan televisyen di negara kita, tetapi kita harus perkukuh dan sebarkan kebiasaan suka membaca yang belum menjadi budaya kita. Sudah tentu kita tidak mahu televisyen menjadi halangan bagi perkembangan kita.

Sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa peranan televisyen dengan jasanya dari segi membekal maklumat, komunikasi, dan rekreasi mengenai globalisasi. Itu semua adalah maklumat yang boleh mengayakan lagi pengetahuan kita, namun untuk membangunkan budaya membaca yang kukuh, yang berupaya berfikir secara analitis dan kritis lagi reflektif, membaca merupakan keunggulan yang boleh ditinggalkan atau dibiarkan terdesak ke belakang. Melalui misalnya surat khabar harian mahupun yang berkala masyarakat harus diajar dan diajak mempunyai minat membaca dan lewat aktiviti ini akan terbina budaya membaca.

Tabiat atau perilaku suka membaca belum lagi menjadi perkara yang jelas. Agak ironis apabila kita melihat kadar

kenal huruf masyarakat Malaysia agak tinggi. UNESCO membuat anggaran kadar literasi bagi rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 15 tahun dan ke atas yang berpendidikan formal pada tahun 1995 sebagai 84 peratus sedangkan minat membaca pula tidak setimpal dengan kadar itu. UNESCO mentakrif literasi sebagai merujuk sebuah masyarakat membaca dan buku menjadi sebahagian daripada aspek kehidupan. Maknanya, satu paduan antara kenal huruf universal dan budaya membaca. Dalam hal ini bagi mencetuskan lagi minat membaca, pihak JGMK sudah menyuntik beberapa strategi bagi menggerakkan minat pembaca. Seperti yang diketahui, strategi itu termasuk pembukaan perpustakaan awam di seluruh negara pada waktu malam dan menggalakkan orang ramai khususnya ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah. Stesen-stesen televisyen seperti RTM dan TV3 juga diminta menyiarkan kegiatan serta program buku dan galakan membaca.

Di samping itu juga, tokoh-tokoh pemimpin yang amat prihatin tentang masalah masyarakat kita yang tidak gemar membaca mengulas bahawa golongan terpelajar seperti pensyarah dan profesor di institusi pengajian tinggi juga termasuk dalam kategori ini. Ada teguran seperti "Profesor dan pensyarah kini perlu memberi penekanan kepada soal menanamkan minat dan kesedaran membaca dalam kalangan pelajar mereka". Menurut



tokoh-tokoh berkenaan lagi, kalangan berkenaan gagal melahirkan lulusan yang berminat membaca.

Menurut ulasan sebuah akhbar tempatan, masyarakat kita mula berhenti membaca sebaik sahaja tamat persekolahan, baik menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Ramai tidak menyedari hakikat bahawa berilmu itu ialah berpengetahuan yakni mengisikan minda dengan ilmu yang boleh diperoleh melalui membaca walaupun mereka tiada ijazah atau pendidikan formal.

Tujuan mengulas pengaruh-pengaruh di atas bukanlah bertujuan bersikap sinis tetapi itulah hakikatnya yang nyata pada masyarakat moden kita, sedangkan maksudnya manifestasinya belum begitu ketara pada masyarakat kita.

Minat membaca masyarakat kita kian merosot. Dan kemerosotan minat membaca itu tidak lagi dimonopoli oleh kalangan tertentu seperti golongan yang kurang bernasib baik tetapi kian merata. Seperti awal dibicarakan tadi, golongan terpelajar turut dihindangi penyakit malas membaca. Bayangkan kalau para pensyarah demikian, apalagi para mahasiswa atau masyarakat awam. Itu realiti, walaupun pahit untuk kita menerimanya. Masalah kurang membaca memang tidak sederhana. Erat kaitannya dengan latarbelakang strategi pembangunan. Apakah pustakawan boleh mengubah senario yang kurang sihat ini?

"A man of knowledge lives by acting, not by thinking about acting" (Carlos Castaneda)



ASPEK BAHASA DALAM PENERBITAN BUKU ILMIAH

Oleh : Salamiah Mat Shah
Pegawai Perancang Bahasa
Penerbit USM

Untuk menghasilkan sebuah penerbitan bukanlah perkara mudah. Banyak perkara yang perlu diteliti dan difikirkan. Apabila sebuah penulisan dalam bentuk manuskrip diterima, ia perlu melalui banyak proses sebelum diterbitkan. Antaranya, Penerbit perlu menyemak dan menyunting aspek kandungan seperti aspek teknikal, bahasa, persembahan, memastikan penulis tidak melanggar undang-undang dalam penerbitan dan menentukan potensi pemasarannya.

Dari aspek bahasa sahaja, antara beberapa perkara yang harus diambil perhatian dalam penyuntingan sesebuah manuskrip adalah dari segi sintaksis, iaitu struktur atau binaan ayat. Sama ada ayat yang dipersembahkan ayat aktif atau ayat pasif, ayat mestilah gramatis yang memenuhi ciri-ciri sintaksis bahasa tersebut. Ayat tidak boleh dibina dengan sewenang-wenangnya tetapi mestilah mematuhi rumus-rumus/petua-petua yang terdapat dalam bahasa tersebut yang telah ditemui menerusi penyelidikan yang dilakukan oleh pakar-pakar bahasa bertahun-tahun lamanya. Ayat yang gramatis yang mematuhi petua-petua akan dapat menyampaikan mesej dengan lebih baik dan berkesan serta mudah difahami pembaca. Pembaca tidak perlu mengulang ayat tersebut untuk kejelasan. Beberapa contoh ayat yang perlu disunting adalah seperti berikut:

Ayat asal: Detik kesedaran ini mula mendapat perhatian apabila satu persidangan yang dikenali sebagai The Earth Summit di Rio de Janeiro (*Agenda 21*, 1993,22). (Ayat ini tiada kata kerja. Oleh itu, ia tidak memenuhi ciri-ciri ayat bahasa Melayu yang mempunyai struktur subjek, kata kerja dan objek. Atau salah dalam pemilihan sendi nama menyebabkan ayat tergantung.)

Ayat selepas disunting: Detik kesedaran ini mula mendapat perhatian apabila satu persidangan yang dikenali sebagai The Earth Summit telah diadakan di Rio de Janeiro (*Agenda 21*, 1993: 22). Atau, Detik kesedaran ini mula mendapat perhatian dalam satu persidangan yang dikenali sebagai The Earth Summit di Rio de Janeiro (*Agenda 21*, 1993: 22).

Ayat asal: Dia membukukan tentang kisah pengalamannya ke Antartika. (Kata kerja transitif tidak boleh diikuti dengan sendi nama.)

Asat selepas disunting: Dia membukukan kisah pengalamannya ke Antartika.

Ayat harus tidak terlalu panjang, seeloknya jangan melebihi 20 perkataan dalam satu ayat. Jika ini terjadi pembaca terpaksa mengulangi untuk faham. Maka ayat tersebut bolehlah dijadikan dua ayat atau diolah semula dengan tanda bacaan yang sesuai tanpa menghilangkan makna ayat asalnya. Contoh:

Ayat asal: Detik ini juga boleh dikatakan pemisahan antara satu zaman lama kepada suatu zaman yang baru iaitu daripada satu zaman yang dikenali sebagai zaman moden yang berlaku sejak Revolusi Industri pada sekitar abad 17 sehingga akhir dekad 1980an kepada zaman selepas moden yang bermula pada awal 1990an yang dikenali sebagai zaman kurun ke 21.

Ayat selepas disunting: Detik ini juga boleh dikatakan pemisahan antara dua zaman, iaitu daripada zaman moden (sejak Revolusi Industri pada sekitar abad 17 sehingga akhir dekad 1980-an) kepada zaman selepas moden (awal 1990-an yang dikenali sebagai zaman kurun ke-21).

Struktur ayat jika nampak janggal harus diolah kedudukannya supaya aliran ayat lebih baik. Contoh:

Ayat asal: Mengambil buku di Perpustakaan tanpa didaftar masuk terlebih dahulu pada zaman sekarang boleh ditafsir sebagai perbuatan 'mencuri'.

Ayat selepas disunting: Pada zaman sekarang, mengambil buku di Perpustakaan tanpa didaftar masuk terlebih dahulu boleh ditafsir sebagai perbuatan 'mencuri'.

Ayat asal: Negara-negara maju dikatakan semasa peringkat awal pembangunan mereka, bidang pendidikan menjadi perhatian utama.

Ayat selepas disunting: Di negara-negara maju, bidang pendidikan diberikan perhatian utama pada peringkat awal pembangunan.

Disamping itu tanda bacaan yang betul tidak harus diabaikan. Tanda bacaan mempunyai dua fungsi sama ada memisahkan ayat atau menyambung ayat. Terdapat berbagai-bagai tanda bacaan yang mempunyai fungsi yang berlainan dan penggunaannya harus kena pada tempatnya. Ada yang bersifat optional tidak kurang pula yang obligatori. Penulis harus tahu memilih tanda bacaan yang betul agar apa yang hendak disampaikan berkesan dari segi makna, hubungkait, kesinambungan ayat dan persembahan akan lebih menarik dan mudah difahami. Contoh di bawah menunjukkan penggunaan semikolon, koma dan nokhtah yang betul.

- Berbual memesrakan perhubungan; bergurau mengeratkan persahabatan.

- Setelah mesyuarat diadakan, ahli jawatankuasa bersetuju bahawa

- 1) Dr. Farook menjadi presiden yang baharu,
- 2) kutipan yuran bulanan tidak lebih daripada RM5.00, dan
- 3) setiap tahun akan diadakan jamuan untuk penduduk taman.

Atau,

Setelah mesyuarat diadakan, keputusan ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

- 1) Dr. Farook menjadi presiden yang baharu.
- 2) Kutipan yuran bulanan tidak lebih daripada RM5.00.
- 3) Setiap tahun akan diadakan jamuan untuk penduduk taman.

Dari segi ejaan, penulis harus tahu bila hendak menggunakan sempang. Contohnya, bagi perkataan berganda sempang digunakan. Perkataan majmuk tidak memerlukan sempang. Apa pula berlaku pada ejaan apabila kata majmuk dan kata ganda digandakan dan ada pula imbuhan. Penulis juga harus peka dengan perkembangan ejaan terkini. Ada perkataan majmuk yang dieja terpisah dan ada yang dirapatkan menjadi satu perkataan jika sudah mantap penggunaannya. Bila kita memakai dua 'k' dan satu 'k' apabila ada suffiks. Bila pula kita memakai perlaksanaan, pelaksanaan, pernyataan, pernyataan dan seumpamanya. Jika hendak menunjukkan jamak haruskah diulang perkataan tersebut dua kali atau memadai dengan sepatah perkataan tetapi sudah bermaksud banyak. Kata bilangan dan penjodoh bilangan dapat menentukan jamak dan kata nama selepasnya tidak perlu diulang.

Salah: bukit bukau, ibu-bapa, berbukit bukau, tolak-ansur, bertolak-ansur, tanda tangan, kaki tangan, seMalaysia, ke 7, 1920an

Betul: bukit-bukau, ibu bapa, berbukit-bukau, tolak ansur, bertolak ansur, tandatangan, kakitangan, se-Malaysia, ke-7, 1920-an

Imbuhan asing yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit, Inggeris, dan Arab ejaannya ada yang dicantumkan dan ada pula menggunakan sempang. Editor dan penulis harus tahu hal ini.

Salah: sub-tajuk, antiAmerika, alQuran, Maha guru, mahabesar, eka-bahasa, sosio-budaya

Betul: subtajuk, anti-Amerika, al-Quran, Mahaguru, maha besar, ekabahasa, sosiobudaya

RENCANA

Penulisan sendi nama yang betul juga penting kerana setiap sendi nama mempunyai makna yang tersendiri. Penggunaannya harus betul berdasarkan kata nama yang menjadi penyambutnya.

- Salah:** * Berdoalah **pada** Allah.
* Kuala Kangsar terletak **antara** Ipoh dengan Taiping.
* Arahan itu **dari** Kementerian Pertanian.
* **Di antara** buku yang dipamerkan pada hari pelancaran Penerbit ialah Bioteknologi, Rivers dan Pengurusan Harta Tanah.

- Betul:** * Berdoalah **kepada** Allah.
* Kuala Kangsar terletak **di antara** Ipoh dengan Taiping.
* Arahan itu **daripada** Kementerian Pertanian.
* **Antara** buku yang dipamerkan pada hari Pelancaran Penerbit, ialah Bioteknologi, Rivers dan Pengurusan Harta Tanah.

Penggunaan istilah harus diperiksa keselarasannya dalam sesebuah manuskrip. Begitu juga, jika perkataan yang bukan istilah, ia haruslah konsisten dalam keseluruhan manuskrip.

Ketika menyunting manuskrip, editor harus juga melihat sama ada penulisan berbau bahasa asing. Kadangkala manuskrip yang disunting ialah terjemahan daripada bahasa Inggeris. Justeru dalam bahasa Melayu ia tidak harus kelihatan seperti terjemahan terus. Begitu juga jika penulis mendapat pendidikan luar negara yang Inggerisnya begitu bagus maka penulisan dalam bahasa Melayunya lebih keinggerisan. Hal seperti ini juga harus diberi perhatian oleh editor. Contoh:

Satu lagi pendekatan adalah mewujudkan reka bentuk dwihalaman terbuka di mana satu halaman terbuka diberi teduhan dan dipancutkan air dengan pancutan kekabus maka mendinginkan udara sekeliling. Manakala di satu lagi halaman terbuka pula menjeratkan bahang atau haba daripada sinaran matahari kerana tidak dilindungi dengan alat

peneduhan supaya mewujudkan satu ruang udara yang bertekanan rendah maka menggalakkan pergerakan udara dari halaman terbuka nyaman ke halaman terbuka yang bahang.

Kelakuan kerja harian penduduk di kawasan beriklim tropika seboleh-bolehnya menjauhkan diri mereka daripada sinaran matahari seperti berteduh di bawah pokok, di kaki lima, berpayung, bertopi dan bercermin mata hitam.

Setelah diolah,

Satu lagi pendekatan adalah mewujudkan reka bentuk dwihalaman terbuka. Satu halaman terbuka diberi teduhan dan dipancutkan air dengan pancutan kekabus untuk mendinginkan udara sekeliling. Yang satu lagi ialah halaman terbuka yang boleh memerangkap bahang atau haba daripada sinaran matahari kerana tidak tiada alat peneduhan. Tujuannya untuk mewujudkan satu ruang udara yang bertekanan rendah bagi menggalakkan pergerakan udara dari halaman terbuka nyaman ke halaman terbuka yang bahang.

Penduduk di kawasan tropika, seboleh-bolehnya mahu mengelak daripada sinaran matahari ketika melakukan tugas harian. Caranya, dengan berteduh di bawah pokok, di kaki lima, berpayung, bertopi dan bercermin mata hitam.

Dua contoh ayat di atas bukan saja panjang tetapi perlu diolah semula agar tidak nampak gaya Inggerisnya seperti penggunaan 'di mana' *where* dan 'manakala' *while*, 'maka' *thus*.

Penggunaan popular *ialah* dan *adalah* juga harus kena pada tempatnya. Penggunaan *ianya* tidak boleh digunakan. Contoh:

- Salah:**
- Buku ini adalah merupakan usahanya yang pertama dalam bidang penulisan.
 - Adalah dimaklumkan bahawa surat tuan bertarikh 10 Jun 2003 dirujuk.

RENCANA

Betul:

- Buku ini merupakan usahanya yang pertama dalam bidang penulisan.
- Buku ini ialah usahanya yang pertama dalam bidang penulisan.
- Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa surat tuan bertarikh 10 Jun 2003 dirujuk.

Perkara lain yang harus diberi perhatian ialah sama ada kosa kata yang digunakan adalah tepat. Contoh:

Salah: Namun untuk membangunkan budaya membaca yang kukuh, yang berupaya berfikir secara analitis dan kritis lagi reflektif, membaca merupakan keunggulan yang boleh ditinggalkan atau dibiarkan terdesak ke belakang.

Betul: Namun untuk membangunkan budaya membaca yang kukuh, yang berupaya berfikir secara analitis dan kritis lagi reflektif, sikap suka membaca merupakan keunggulan yang tidak boleh ditinggalkan atau dibiarkan tercicir ke belakang.

Dalam penyuntingan manuskrip bahasa Inggeris juga sama. Ada banyak perkara yang perlu diselaraskan. Jika menggunakan ejaan bahasa Inggeris US, maka hendaklah selaras dalam keseluruhan teks. Begitu juga jika menggunakan bahasa Inggeris UK, maka seluruh manuskrip mestilah dieja menggunakan bahasa Inggeris UK. Contoh:

Bahasa Inggeris US: labor, specialisation, biscuits, chemist, pavement

Bahasa Inggeris UK: labour, specialization, cookies, drug store, sidewalk

Bahasa Inggeris sangat menitikberatkan keserasian subjek-kata kerja (*subject-verb agreement*) bagi menghasilkan ayat yang gramatis. Penentuan kata kerjanya berdasarkan subjek ayat dan bukan kata nama yang hampir dengannya. Contoh:

- Salah:** **One** of the boys **have** arrived.
The price of these fruits **are** cheap.

Betul: **One** of the boys **has** arrived.
The price of these fruits **is** cheap.

Salah: The first type of passive use the prefix *di-*.
Betul: The first type of passive uses the prefix *di-*.


Begitu juga dengan TENSES harus disemak dan diperbetulkan. Struktur ayat mestilah mematuhi petua-petua bahasa tersebut.

Sama seperti manuskrip bahasa Melayu, ejaan dan tanda bacaan mesti diperiksa, dan istilah mestilah selaras. Penggunaan koma yang betul dapat memberi mesej yang tepat seperti dalam contoh berikut:

- He had red, blue and yellow, green and gold balloons.
- We ordered beef and eggs, sausage and chips, and ice cream to follow.

Yang tertera di atas hanyalah dari aspek bahasa sahaja. Banyak lagi aspek lain yang perlu diberi perhatian, antaranya penampilan yang menarik bagi mencapai kualiti penerbitan yang memuaskan yang seterusnya dapat mempengaruhi pemasaran buku tersebut.

*"People are very open-minded about new things, as long as they're exactly like the old ones."
(Unknown)*



BAHASA MELAYU YANG INDAH

Oleh : RAS

Terdapat banyak istilah bahasa Melayu yang disalahgunakan dalam amalan seharian. Misalnya istilah *berbagai* sering digunakan tanpa disadari bahawa penggunaan istilah itu tidak kena pada tempatnya meskipun bunyinya sedap dan tidak janggal. Penggunaan istilah itu digunakan oleh hampir semua lapisan masyarakat termasuk diri kita sendiri. Kadang kala kita gunakan istilah tersebut dalam urusan rasmi.

Kita akan dengar orang memakai istilah *berbagai* seperti :

1. Kami ada *berbagai* aktiviti dalam program 'summer camp' ini.
2. Universiti itu menawarkan *berbagai* kursus kepada mahasiswa. Dalam kedua-dua contoh di atas, niat penggunaan istilah *berbagai* itu menjurus pada maksud *berbagai-bagai* atau *pelbagai*. Sepatutnya istilah yang betul bagi kedua contoh di atas adalah *berbagai-bagai* atau *pelbagai*. Istilah *berbagai* bukan membawa maksud *berbagai-bagai* dan *pelbagai* iaitu bermacam-macam, berjenis-jenis dan beberapa. Ia mengikut *Kamus Dewan* edisi ketiga bererti berbanding atau bersamaan.

Satu lagi istilah yang sering disalahgunakan adalah *ceria*. Kita ada saluran *ceria*. Kita mahu semua orang kelihatan *ceria*. Suasana di dalam bilik mesyuarat itu tidak *ceria*. Ada banyak contoh di mana istilah *ceria* digunakan dengan maksud riang, girang dan menyenangkan. Penggunaan istilah *ceria* ini cukup popular sekarang. Ia diguna dengan bermaksud menyampaikan erti ria, riang dan menyenangkan. Bagaimanapun pengertian sebenar

istilah *ceria* adalah bersih, tidak bernoda, suci dan cantik.

Ramai yang sedia maklum bahawa istilah seperti *pantau* dan *canggih* adalah istilah baru yang diperkenalkan. Pada zaman sebelum 1980-an kedua-dua istilah itu tidak pernah kita dengar, namun setelah ia diperkenalkan, kini ia sudah diterima dan digunakan dengan betul bagi maksud yang tepat. Pengertian istilah *pantau* membawa maksud seperti konsep 'monitoring' dalam bahasa Inggeris dan istilah *canggih* bererti 'sophisticated'.



Kita harus menggunakan istilah Melayu yang tetap bagi membawa maksud yang tepat apabila kita berbicara atau menulis dalam bahasa Melayu, melainkan tiada istilah Melayu untuk menyalurkan maksud itu. Saya ingin mengusulkan kita menggunakan satu istilah baru yang telah saya temui dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu* terbitan Utusan Melayu. Saya telah menggunakannya dalam satu rencana mengenai RFID dalam edisi *Jendela* terbaru. Saya telah meminta pandangan orang yang berwibawa dalam hal peristilahan bahasa Melayu.

Mengikuti mantan Pengarah Dewan

Bahasa dan Pustaka, Dato' Aziz Deraman "memang saya setuju dengan pandangan saudara. Malahan banyak sekali kosa kata umum atau istilah yang boleh dicari atau divedok daripada perbendaharaan kata asal dan klasik Melayu. Kata yang saudara usulkan itu mungkin boleh diperkenalkan dahulu dalam tulisan dan disebutkan sumber serta padanannya". Istilah yang dimaksudkan ialah *kedaluwarsa*. Ia bererti tamat tempoh. Biasanya apabila kita hendak menyampaikan maksud sudah sampai tempoh tarikh atau dalam bahasa Inggerisnya 'expiry date', kita menggunakan satu frasa seperti tarikh habis tempoh atau menjelang tarikh akhir. Jika kita boleh popularkan istilah *kedaluwarsa* maka kita boleh mengguna pakai seperti berikut :

1. Buku-buku *kedaluwarsa* dikenakan denda sebanyak sepuluh sen sehari.
2. Ubat-ubatan atau makanan bertin *kedaluwarsa* tidak harus dijual kepada para pengguna.
3. 'Timing-belt' kereta anda ternyata telah *kedaluwarsa*.

Bukan saja banyak istilah Melayu yang salah diguna pada konteks tetapi terdapat banyak juga kesilapan dalam mengaplikasikan nahunya. Penggunaan bahasa Melayu yang tepat akan memberi gambaran bahawa bahasa Melayu merupakan suatu bahasa yang cukup indah untuk menyampaikan apa saja maksud semasa berkomunikasi.

"People do not lack strength; they lack will."
(Victor Hugo)

Encik Ramli Abdul Samad
Assalamu'alaikum,

Saya sedang mencari bahan untuk penulisan saya berkenaan sejarah doktor Melayu. Penulisan saya jalankan online dan boleh dibaca di <http://www.medic.usm.my/~telehealth/Articles2005/index.htm>. Saya ingin tahu sama ada terdapat buku/risalah perubatan yang ditulis oleh doktor Melayu terawal yang disimpan oleh Perpustakaan di mana tuan berkhidmat.

Saya ada terbaca penulisan tuan "Koleksi Dunia Melayu Seperti Yang Dibicarakan di International Colloquium on Libraries and the Construction of Knowledge About Malay World" dalam buletin *JENDELA* isu 3/2004, USM.

Saya mendapat e-mail tuan daripada website perpustakaan: <http://www.lib.usm.my/liblist2.htm>

Ramli Abdul Samad
Librarian, Malaysia & Archives Division
ramli.as@notes.usm.my
Ext. 3721

Sekian, terima kasih.
Wasallam.

Prof. Madya Faridah Abdul Rashid
Jabatan Ptologi Kimia
Pusat Pengajian Sains Perubatan
USM Kampus Kesihatan
16150 Kubang Kerian, Kelantan
Tel: 09-766-4755
Fax: 09-765-3370
E-mail: faridah@kb.usm.my
H/P: 012 963 2218

Hti Ramli

Berbanyak terima kasih atas kesudian untuk menghantar penerbitan baru.

Jendela melalui Htoong Kheng kepada saya di U.S. I sangat kagum terhadap buletin ini & harap tuan berjaya untuk meneruskan penerbitan ini selama-lamanya.

Sekian,

Lim Chee Hong
Mantan Ketua Pustakawan
(1990-1994)

SUCCESS: **LIGHT & EASY**

At age 4 success is . . . not peeing in your pants.
At age 12 success is . . . having friends.
At age 16 success is . . . having a drivers license.
At age 20 success is . . . going all the way.
At age 35 success is . . . having money.
At age 50 success is . . . having money.
At age 60 success is . . . going all the way.
At age 70 success is . . . having a drivers license.
At age 75 success is . . . having friends.
At age 80 success is . . . not peeing in your pants.



0-5 YEARS



6-16 YEARS



17-25 YEARS



26-40 YEARS



41-60 YEARS



61-75 YEARS




76 YEARS ONWARDS...

LAWATAN KE PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS, TRONOH, PERAK

Pada tahun ini, sebahagian besar staf Perpustakaan telah diberi kesempatan melawat sebuah perpustakaan yang dikira termoden di negara kita. Perpustakaan itu ialah Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas. Dari segi perkakasan, sememangnya tidak

dapat dinafikan bahawa Perpustakaan Teknologi Petronas mendapat belanjawan yang cukup lumayan. Serba-serbi peralatan, perabot dan ICTnya adalah yang terbaru.

Universiti Teknologi Petronas terletak di sebuah kawasan yang sebelum ini merupakan Kampus Cawangan Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM). Melawat kampusnya bagaikan kita berada di sebuah tempat atau kampus di sebuah negara maju.



GOTONG-ROYONG PERPUSTAKAAN KALI KEDUA BERJAYA DILAKSANAKAN

Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2 merupakan dua buah bangunan yang bukan sahaja menempatkan sejumlah 140 orang staf tetapi termasuk juga pelbagai peralatan seperti perabot pejabat. Kegiatan staf dan aktiviti pejabat sentiasa menambahkan lagi bilangan peralatan. Kesemua barang seperti buku, rekod, fail, perabot dan barangan milik peribadi harus disusun atur mengikut kaedah dan kriteria 5S agar semuanya kelihatan tersusun rapi. Tuntutan kerja kadang kala tidak mengizinkan barangan yang serba besar atau yang sulit diputuskan untuk penghapusan mahupun dibuang, maka dibiarkan dulu buat sementara. Proses 'wear and tear' terus berjalan. Akibatnya, barang-barang ini menyakitkan mata memandang kerana rupanya yang lusuh dan usang kelihatan semak dan tidak indah dilihat. Keadaan ini boleh mempengaruhi produktivi kerja staf. Keadaan semak itu tidak mungkin dapat diselesaikan secara individu. Salah satu cara untuk mengatasi masalah semak itu adalah dengan mengadakan gotong-royong yang melibatkan semua staf dari peringkat yang tertinggi hingga peringkat

paling bawah. Semua lapisan staf boleh digerakkan untuk tujuan mengatasi keadaan semak itu.

Gotong-royong ini pernah dilakukan pada tahun 2004 dan kali kedua dibuat pada 14 Mei 2005 yang lalu. Sebuah Jawatankuasa Gotong-Royong 2005 telah dibentuk. Jawatankuasa ini memimpin semua staf untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan dalam dan luar perpustakaan. Kerja bermula dari 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Aktiviti gotong-royong ini selain dapat mencapai matlamatnya, juga dapat menyerap rasa bersaudara dan mesra antara staf. Mereka turun ke padang memberi sumbangan wang dan tenaga tulang empat kerat untuk memperindah imej perpustakaan. Keletihan mereka pada akhir program jelas kelihatan, namun setelah menjamu selera dengan makanan Melayu yang lengkap dengan ulam dan sambal belacan kuntum-kuntum senyuman mula kelihatan. Makanan tengah hari juga dikendalikan oleh staf perpustakaan sendiri secara gotong-royong.



The Malaysia Library Website Competition

by Che Norma Bahri



A library website is a set of 'pages' accessible on the World Wide Web. It provides all or some of the following information about the library for its readers/users, its own staff, and the general public. It is tailored to the needs of its users and serves as a gateway to the library's physical and digital assets. Some of the information displayed will include:

- access to information resources such as the library OPAC and subscribed databases and e-journals, selected Internet resources such as e-journals, subject guides to selected Internet resources appropriate to the information needs of the library's customers;
- in-house publications;
- opening hours, a staff directory with e-mail addresses and membership rules; and
- the latest activities or events that the library has undertaken or will undertake.

The design of the website will ensure the importance of good access and the need to be user friendly. The increasing importance of a good library website in today's digital environment is being acknowledged. Elsevier (Science & Technology) - Asia Pacific Region initiated the Malaysia Library Website Competition in August 2004. A total of ten entries including Universiti Sains Malaysia Library participated. Each Library was required to nominate a maximum of five librarians in their teams. The USM team members were Abdul Akla Wan Ismail, Che Norma Bahri, Nor Azan Ibrahim, Habsah Abdul Rahman, and Datin Masrah Hj. Abidin, while the website update work group included Arinawati Ayob, Rizalawati Ayu Abdul Razak, Husriati Hussain and Ahmad Faris Hassan.

Elsevier held day-long workshops for the participating libraries in October - December 2004. The workshop for USM was held on 15th December 2004. Other than introducing the MLWC and tips on how to design library websites to maximize usability, possible

enhancements to library websites, success stories, and selection criteria were also discussed. The workshop programme also included a topic on strategic marketing for librarians.

Websites had to be completed by 31st March 2005 and meet the compulsory requirement of direct journal links for e-journal holdings. The judging which started on 1 April 2005 was done by an international panel from Hong Kong, Thailand, Taiwan and Singapore.

The MLWC Award presentation was held during the Elsevier 2005 Malaysia Library Connect Seminar on 14th July 2005 at the Crowne Plaza Mutiara Hotel, Kuala Lumpur. The USM Library website won 2nd placing and received a trophy (plaque), a 128 MB USD Disk Drive for every team member and RM1000 gift vouchers. The Multimedia University won the MLWC and walked away with two full sponsorships to the 2006 VALA (Victorian Association for Library Automation Inc.) Conference in Melbourne.



MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG PERPUSTAKAAN PERPUSTAKAAN 2004

Pada 12 Mei 2005 sejumlah 80 staf Perpustakaan Hamzah Sendut dan 17 staf Perpustakaan Kampus Kejuruteraan telah diraikan dalam satu majlis di Dewan Kuliah A atas khidmat mereka yang berdasarkan kepada tiga kriteria. Kriteria itu ialah :

- Staf yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan
- Staf yang cemerlang dan memperolehi markah Lembaga Penilaian Prestasi melebihi 85%
- Staf yang berdisiplin tinggi dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan

Majlis sederhana tetapi gemilang itu telah dirasmikan oleh Y.Bhg Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia.

Diperturunkan nama mereka yang telah dipilih tergolong dalam kategori cemerlang itu. Jendela mengucapkan syabas kepada semua staf berkenaan.

SENARAI ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT)

BIL. NAMA STAF

1. AB SHUKOR BIN MUSTAPA
2. ABD AKLA BIN WAN ISMAIL
3. ABD BASHER BIN ABDULLAH
4. ABDUL RAHIM BIN AHMAD LUDDIN
5. ABDUL RAHIM BIN DERANI
6. ABDUL RAHMAN BIN MAJID
7. ABDUL RASHID KHAN BIN ABDUL HAMEED
8. AHMAD BIN SALEH
9. AHMAD NASRUDDIN BIN AHMAD
10. AHMAD SUHADI ABD. KADIR
11. AHMAD ZAKI BIN MUSTAFA
12. AINI BT YUSOF
13. AL-RASHID BIN KALANDAR MASTAN
14. ALI BIN AHMAD
15. AMIN RAZIP BIN HASSAN
16. AMINAH BT ISMAIL
17. ARINAWATI BT AYOB
18. AZIZAH BT OSMAN
19. BORHAN BIN YAMAN
20. CHE MAT BIN SUID
21. CHE NORMA BT BAHRI

22. CHE OM BT MD NOOR
23. CHEAH TENG BOON
24. FAWZIA BT DAWOOD
25. HABSAB BT ABDUL RAHMAN
26. HASAN BIN SUKIT
27. HASLIZA BT ALI
28. HUSRIATI BT HUSSAIN
29. KAMARUDIN BIN BIDIN
30. KIRUBANANTHAN S/O SUNDARAJU
31. KU AZAN BIN KU IBRAHIM
32. MAHADZER BIN MOKHTAR
33. MARIAH BT YUSOF
34. DATIN MASRAH BT HJ. ABIDIN
35. MAZLAN BIN NOR
36. MD KAMAL BIN KERIA
37. MOHAMED HASSAN BIN HASHIM
38. MOHAMMAD AZIZAN BIN EMBI
39. MOHD. ABASS BIN YUSOFF
40. MOHD. IDRIS BIN HJ. ALI
41. MOHD. IDRIS BIN SYED SULAIMAN
42. MOHD. SHAMSURI BIN JUSOH
43. MOHD. TAUFIK BIN IBRAHIM
44. MOHD. YUSOFF BIN ISMAIL
45. MOHD. ZAIDI BIN AHMAD
46. MURALISAN A/L NADESAN
47. MUSTHAPA BIN ISMAIL
48. NASIR KHAN BIN S.M. HABIB MOHAMED
49. NOOR AZMAN VIJAY BIN ABDULLAH
50. NOORAZILAN BIN NOORDIN
51. NOORIZAN BT HJ. ABDUL HAMID
52. NOR ADZAM BIN BABA
53. NOR AZAN BIN IBRAHIM
54. NORIS A/L N.MUNIANDY
55. OMAR BIN CHARKIM
56. OMAR BIN YUSOFF
57. PARAMASWARY A/P ANTHONY MORRIS
58. PHUAH SENG TAT
59. RADIA BANU BT JAN MOHAMED
60. RAHMAH BT BAHAROM
61. RAMDAN BIN OTHMAN
62. RAMLAH BT IBRAHIM
63. RAMLI BIN ABDUL SAMAD
64. RIZALAWATI AYU BT ABD. RAZAK
65. ROSLAN BIN DIN



66. ROSLI BIN ISMAIL
67. SAMSUDIN BIN ISMAIL
68. SANDANADAS A/L ANTHONYSAMY
69. SHAHIDAN BIN MEZELAN
70. SHAHNIZAM BIN ABDUL RAHIM
71. SHAHRIL ABD. SUKOR
72. SHUHANI BIN RIDZWAN
73. SITHAMPARAM A/L P. SIDDALINGAM
74. SUKMAWATI BT MUHAMAD
75. TEH TOH SENG
76. WAN ZAHARI BIN WAN DIN
77. WONG PENG KIT
78. YAHYA BIN HASHIM
79. YUSLIZA BT JUSOH
80. ZAINAB BT ABU BAKAR MARICAN
81. ZAITON BT ABD HALIM

SENARAI ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (PERPUSTAKAAN KAMPUS KEJURUTERAAN)

BIL. NAMA STAF

1. ADNAN HJ. SHARIF
2. ALI HJ. ABD. RAHIM
3. ASMI MAHANI ISMAIL
4. BADRUL HISHAM AHMAD ZUHDI
5. HASLINA AHMAD RUPIAD
6. MARZINA DARUS
7. MAZAINUN AINI MOHD. ZAIN
8. MOHD. FADHIL BOHARI
9. MOHD. KAMAL MOHAMMAD NOORDIN
10. MOHD. PISOL GHADZALI
11. MOHD. QUSHRI MOHD. SALLEH
12. MOHAMMAD YUNUS MAT YUSOF
13. NOR HASIAH WAHAMID
14. RAHIMI YAHAYA
15. SHAMSUL AZMAN AHMAD
16. SHARIAH OMAR
17. SAMINATHAN K. VEERIAH



Di samping itu juga penghargaan dan pengiktirafan diberi kepada staf yang tiada sijil sakit sepanjang tiga tahun mulai tahun 2002 sehingga 2004. Senarai nama mereka diperturunkan. Syabas kepada mereka kerana memberi contoh yang baik.

SENARAI ANUGERAH CUTI SAKIT SIFAR (PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT)

BIL. NAMA STAF

1. ABD BASHER BIN ABDULLAH
2. AINI BT YUSOF
3. ARIFFIN BIN AZIZ
4. NOORAZILAN BIN NOORDIN
5. RADIA BANU BT JAN MOHAMED
6. RAMLAH BT IBRAHIM
7. ROSLAN BIN DIN

STAF PERPUSTAKAAN MEMBANTU MENJAYAKAN KONVO KE-34 USM

Beberapa staf Perpustakaan turut terlibat dalam menjayakan Majlis Konvo USM ke-34 lalu yang berlangsung dari 8 hingga 12 Ogos 2005. Mereka termasuklah Puan Rozaina Rumli daripada Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan (BPPP). Beliau membantu dalam pengendalian pakaian akademik (baju jubah) bagi staf akademik. Puan Husriati Hussain daripada Bahagian Rujukan dan Maklumat, Cik Radia Banu Jan Mohamad daripada Bahagian Proses Teknik dan Saudara Nor Azan Ibrahim daripada Bahagian Automasi pula membantu menyampaikan skrol ijazah kepada Canselor dan Pro Canselor untuk diserahkan kepada graduan. Ketiga-tiga mereka berada di atas pentas Dewan Tuanku Canselor. Saudara Ramli Abdul Samad dari BPPP diberi penghormatan membawa Cokmar Universiti pada Sidang Kelima Konvokesyen. Selain daripada itu, En. Mohd. Pisol Ghadzali, En. Ali Hj. Abd. Rahim, En. Mohd. Idris Hj. Ali serta Tuan Hj. Mohd. Shamsuri Jusoh juga turut membantu menjayakan Majlis Konvo ini.



KOD JALUR PINTAR MASA DEPAN (RFID - RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION)

Susunan : Ramli Abdul Samad

Mulai tahun ini para pemudik di Hanau, sebuah kota di Jerman dekat Frankfurt akan menggunakan teknologi baru. Mereka akan mengaplikasikannya seperti tidak perlu lagi membeli tiket bas. Mereka cuma menggunakan telefon bimbit. Telefon bimbit pemudik itu akan dipasang cip berfrekuensi radio yang boleh berkomunikasi dengan perangkat pembaca khusus. Setiap kali melalui pintu bas, cip pembaca akan mencatat bahawa pemilik telefon bimbit itu sudah membeli khidmat pengangkutan tersebut, malahan harga tiket akan didebit daripada akaunnya.

Kisah di atas merupakan satu daripada contoh penggunaan RFID atau *radio frequency identification*. Teknologi RFID sendiri boleh berupa cip yang memancarkan gelombang radio dan peranti pembaca untuk menangkap isyarat tersebut. Cara operasinya mirip seperti kod jalur, tetapi RFID boleh dimuati dengan berbagai-bagai maklumat. Bagaimanakah aplikasinya di Perpustakaan? Pada zaman sekarang, mengambil buku di Perpustakaan tanpa didaftar masuk terlebih dahulu boleh ditafsir sebagai perbuatan 'mencuri'. Kini dengan adanya

teknologi label supercanggih, hal itu tidak mungkin boleh berlaku.


Sistem kod jalur secara automatik pertama kali dipatenkan atas nama Bernard Silver dan Norman Woodland dari Drexler Institute of Technology. Mereka merancang suatu sistem yang menggunakan tinta khusus. Tinta khusus itu menghasilkan pola semacam pola kod jalur yang kita gunakan sekarang. Tinta cahaya bercahaya jika terkena sinar ultraungu. Bagaimanapun tinta ini kurang stabil selain melibatkan kos yang tinggi. Pada tahun 1973 para penyelidik di IBM berjaya mengembangkan suatu sistem yang lebih murah dan sederhana sehingga menjadi terkenal di seluruh dunia. Sistem UPU atau *Universal Product Code* yang lebih dikenali sebagai kod jalur itulah yang kita gunakan sekarang. Seterusnya sistem UPU digantikan dengan RFID.

Sistem itu kian menjadi canggih kerana boleh dihubungkan dengan internet secara wayarles. Misalnya, katakan kita masuk ke dalam sebuah kompleks membeli-belah dan ingin membeli coklat. Saat kita mengambil coklat tersebut isyarat radio yang dipancarkan oleh label pada coklat itu diterima oleh alat penerima isyarat atau pembaca yang dipasang pada sebuah lokasi



yang tidak ramai mengetahuinya. Isyarat tersebut dikirimkan ke pusat komputer yang kemudiannya mengolah data dan mengirimkannya kembali dalam bentuk tampilan harga barang yang dilengkapi dengan data kedaluwarsa atau tarikh habis tempoh. Maklumat ini ditampilkan dalam bentuk elektronik pada rak pasar raya tersebut. Hebatnya lagi, maklumat ini boleh dikirimkan secara langsung ke alat elektronik milik kita, misalnya PDA (*Personal Digital Assistant*) atau telefon sel. Setelah kita selesai berbelanja, kita tidak perlu lagi beratur di kaunter untuk membuat pembayaran.


Hebatnya lagi, maklumat ini boleh dikirimkan secara langsung ke alat elektronik milik kita, misalnya PDA (*Personal Digital Assistant*) atau telefon sel. Setelah kita selesai berbelanja, kita tidak perlu lagi beratur di kaunter untuk membuat pembayaran.



Dengan sistem jaringan yang canggih RFID, semua barang yang kita ambil sudah beres dijumlahkan harganya saat kita menuju keluar dari pasar raya. Pintu pasar raya juga dilengkapi dengan alat pembaca. Maklumat tentang jumlah pembelian ini secara automatik dikirimkan ke bank tempat kita menyimpan wang. Kemudian bank tersebut terus mendebit jumlah wang berbelanja kita di kompleks membeli-belah itu. Proses autodebit ini benar-benar praktikal dan sangat menghemat waktu. Sistem *Smart Label* ini juga sangat berguna bagi kilang yang mengeluarkan barang-barang yang kita beli itu dan kedai-kedai yang menjualnya. Saat kita membeli salah satu produk mereka, sistem jaringan internet perusahaan yang terhubung langsung dengan kedai terus mendapatkan maklumat tentang jenis produk dan jumlah barang yang terjual di kedai tersebut. Kedai itu tidak perlu bersusah-payah lagi menyediakan inventori kerana semua proses penjualan sudah tercatat dalam komputer. Perusahaan yang menghasilkan barangan tersebut

pun boleh terus meningkatkan pengeluaran produknya.

Sistem RFID ini mempunyai satu lagi kelebihan atau kecanggihannya. Pembaca yang boleh menerima isyarat radio yang dipancarkan label canggih ini kelak boleh dipasang pada pelbagai peralatan elektronik di rumah kita. Sebagai contoh, pada peti ais tempat kita menyimpan coklat. Saat kita menyimpan coklat tersebut, pembaca yang sudah dipasang pada peti ais terus mencatat informasi tentang tarikh pengeluaran dan tarikh kedaluwarsa serta jumlah barang yang ada di dalam peti ais. Peti ais pintar ini kelak boleh mengingatkan kita tentang makanan yang sudah mendekati tanggal kedaluwarsa (ada layar yang boleh menampilkan informasi tersebut). Jika ada barang-barang yang sudah habis tempoh (kita pasti mengeluarkannya dari peti ais dan membuang bungkusan yang dilengkapi label tadi), peti ais pintar ini boleh mengingatkan kita untuk membeli semula barang-barang tersebut. Ertinya, peti ais boleh mencatat informasi



tentang jangka waktu kita berbelanja produk tertentu. Jika sudah waktunya untuk berbelanja, informasi daftar belanjaan ini dapat terus dikirimkan lagi ke PDA atau telefon selular kita. Tidakkah ini dinamakan canggih?

Menurut satu soal selidik banyak perusahaan di kawasan ASEAN dan Asia Selatan masih memilih sikap berhati-hati dalam melabur terhadap teknologi ini kerana kurangnya pemahaman atas manfaat teknologi berkenaan. Masih ramai kurang atau terbatas pengetahuan mereka tentang teknologi ini. Memang pelaburan ke atas infrastruktur RFID cukup signifikan, banyak perusahaan harus diberi penjelasan tentang manfaat teknologi ini.

Tinjauan industri memperlihatkan bahawa perusahaan-perusahaan di kawasan ASEAN dan Asia Selatan berada sekitar dua tahun di belakang rakan-rakan mereka di Amerika dan Eropah.

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD (U.S.M CO-OPERATIVE BOOKSHOP LTD) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

11800 USM, PULAU PINANG.

Tel: 04-653 3888 Ext. 3229, 3230 Fax: 04-657 5688

E-mel: usmcoop@tm.net.my
(KUSMB)

KEDAI BUKU USM
KEDAI BUKU KEJURUTERAAN
KEDAI BUKU KUSTEM
KEDAI MAHASISWA
KEDAI FARMASI

KEDAI SISWA KEJURUTERAAN
KEDAI BUKU KUSZA
KEDAI BUKU UiTM, PULAU PINANG
KEDAI USHOPPE

SIDANG EDITORIAL

Penasihat
Datin Masrah Hj. Abidin

Ketua Editor
Ramli Abdul Samad

Editor Bahasa
Salamiah Mat Shah

Editor Penyelaras
Husriati Hussain

Juru Foto
Noorazilan Noordin

Kartunis
Kirubananthan

Edaran
Raffidah Hussain

JENDELA Diterbitkan Oleh

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

11800 Minden, Pulau Pinang

Telefon : 04-6533888 sambungan 3705, 3720

Faks : 04-6571526

E-mel : jendela@pustaka.usm.my

URL: <http://www.lib.usm.my/ilmu-equip/jendela.jsp>



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



MS ISO 9001:2000 REG. NO. AR 2448

Sekiranya anda mempunyai sebarang idea untuk disumbangkan sama ada dalam bentuk rencana, laporan atau komen, sila ajukan kepada Sidang Editorial melalui e-mel atau yang beralamat di atas.—Editor